




# PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEDUABELAS  
2009

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB  
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB  
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA  
KEMENTERIAN

HARI KHAMIS: 19 FEBRUARI 2009

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 11 HINGGA 72**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10  
SOALAN NO. 28 DAN NO. 64 DIJAWAB SEKALI DENGAN SOALAN NO. 2  
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Ir. HAJI HAMIM BIN SAMURI  
[LEDANG]

BERTARIKH : 19 FEBRUARI 2009

SOALAN :

MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN ADAKAH  
KEMENTERIAN AKAN MEMPERKENALKAN AKTA  
CERUN SEBAGAI USAHA TERAKHIR UNTUK  
MEMASTIKAN KESELAMATAN DAN MELINDUNGI  
ORANG DAN KEPENTINGAN AWAM.

**JAWAPAN:**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, BERDASARKAN ARAHAN KABINET PADA 26 MEI 2004, KEMENTERIAN KERJA RAYA MELALUI CAWANGAN KEJURUTERAAN CERUN JKR TELAH MENYEDIAKAN PELAN INDUK CERUN NEGARA YANG MANA PELAN INDUK INI MENGANDUNGI ELEMEN TERPERINCI POLISI, STRATEGI, PELAN TINDAKAN YANG EFEKTIF DAN MENYELURUH BAGI MENGURANGKAN RISIKO DAN KERUGIAN AKIBAT TANAH RUNTUH. OBJEKTIF PELAN INDUK CERUN NEGARA INI ADALAH SEPERTI BERIKUT:**

- i. MENGHASILKAN POLISI DAN RANGKA KERJA BAGI MENGURANGKAN RISIKO DAN KERUGIAN AKIBAT KEJADIAN TANAH RUNTUH;**
- ii. MEMBANGUNKAN INVENTORI KAWASAN BAHAYA DAN BERISIKO TANAH RUNTUH;**
- iii. MEWUJUDKAN SISTEM PERKONGSIAN MAKLUMAT TANAH RUNTUH YANG BERKESAN;**

- iv. MEMBANGUNKAN PELAN BAGI LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN TANAH RUNTUH;**
- v. MEMBANGUNKAN GARIS PANDUAN DAN PROGRAM LATIHAN**
- vi. MENINGKATKAN KEFAHAMAN TENTANG MEKANISME TANAH RUNTUH; DAN**
- vii. MEMBANGUNKAN PROGRAM KESEDARAN AWAM.**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERTHORMAT JUGA, 10 TERAS STRATEGIK BAGI PELAN INDUK CERUN NEGARA INI TELAH DITETAPKAN IAITU:**

- i. MENGHASILKAN POLISI DAN RANGKA-RANGKA INSTITUSI YANG BERKESAN BAGI PENGURANGAN RISIKO TANAH RUNTUH DAN KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI BENCANA;**
- ii. MEMBANGUNKAN RANGKA KERJA UNTUK MENGHASILKAN INVENTORI, PEMETAAN DAN PENAKSIRAN BAHAYA/RISIKO DI KAWASAN YANG CENDERUNG TANAH RUNTUH;**
- iii. MEWUJUDKAN SISTEM PEMANTAUAN DAN AMARAN AWAL TANAH RUNTUH;**

- iv. MENGHASILKAN RANGKA KERJA PENILAIAN KERUGIAN BAGI MENGUMPUL, MENYELENGGARA DAN MENILAI DATA PELBAGAI JENIS KERUGIAN AKIBAT TANAH RUNTUH;
- v. MEREKABENTUK DAN MEMBINA SATU SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT CERUN UNTUK DIKONGSI BERSAMA;
- vi. MENGHASILKAN RANGKA LATIHAN PERINGKAT NEGARA BERKAITAN PENGURUSAN CERUN UNTUK DIKONGSI BERSAMA;
- vii. MENGHASILKAN RANGKA LATIHAN PERINGKAT NEGARA BERKAITAN PENGURUSAN CERUN BAGI TUJUAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN MELALUI PENAMBAHBAIKAN KEJURUTERAAN;
- viii. MEWUJUDKAN KESEDARAN AWAM DAN PROGRAM PENDIDIKAN BERKAITAN BAHAYA TANAH RUNTUH DENGAN MENGGALAKKAN PENYERTAAN AWAM DAN PELBAGAI KUMPULAN SASAR;

- ix. **MENAMBAHBAIK KEUPAYAAN BAGI KESIAPSIAGAAN, RESPON DAN PEMULIHAN AKIBAT DARI TANAH RUNTUH BAGI MENGURANGKAN KEHILANGAN NYAWA DAN HARTA BENDA; DAN**
- x. **MENAMBAHBAIK PENGURUSAN DAN KEJURUTERAAN CERUN MELALUI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN.**

**SATU JAWATANKUASA TEKNIKAL BAGI MENILAI PELAN INDUK CERUN NEGARA YANG DIPENGERUSIKAN OLEH MENTERI KERJA RAYA TELAH DIWUJUDKAN ATAS ARAHAN JEMAAH MENTERI YANG TELAH BERMESYUARAT PADA 14 JANUARI 2009. AHLI JAWATANKUASA INI TERDIRI DARIPADA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DAN KETUA JABATAN YANG BERKENAAN, EXCO KERAJAAN TEMPATAN SETIAP NEGERI DAN JUGA KETUA PENGARAH JABATAN TEKNIKAL SEPERTI:**

- i. **JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA;**
- ii. **JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA;**
- iii. **JABATAN KERAJAAN TEMPATAN;**
- iv. **JABATAN ALAM SEKITAR;**

- v. **JABATAN PARIT DAN SALIRAN;**
- vi. **JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS; DAN**
- vii. **PUSAT REMOTE SENSING NEGARA**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERTHORMAT, TERMA  
RUJUKAN (*TERMS OF REFERENCE*) AHLI MESYUARAT  
JAWATANKUASA TEKNIKAL MENILAI PELAN INDUK  
CERUN NEGARA ADALAH SEPERTI BERIKUT:**

- i. **UNTUK MENILAI DAN MENGENGKAJI SEMUA  
CADANGAN STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN  
YANG DIHASILKAN DALAM KAJIAN PELAN INDUK  
CERUN NEGARA.**
- ii. **UNTUK MENYEMAK SAMADA PELAN INDUK  
CERUN NEGARA INI DAPAT MEMBANTU  
KEMENTERIAN/JABATAN/PIHAK BERKUASA  
NEGERI DALAM PENGURUSAN CERUN  
KHUSUSNYA BAGI MENANGANI PERMASALAHAN  
TANAH RUNTUH.**

iii. MEMBERIKAN ULASAN ATAU PANDANGAN SECARA MENYELURUH MENGENAI HASIL KAJIAN PELAN INDUK CERUN NEGARA YANG TELAH DISEDIAKAN.

iv. MEMBERIKAN PANDANGAN SAMADA BERSETUJU SUPAYA PELAN INDUK CERUN NEGARA INI DIGUNAPAKAI DAN DILAKSANAKAN DALAM PENGURUSAN CERUN-CERUN DI MALAYSIA

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERTHORMAT JUGA, CAWANGAN KEJURUTERAAN CERUN JKR JUGA TELAH MENJALANKAN KAJIAN TERPERINCI KAWASAN BERBUKIT BAGI MENGHASILKAN PETA "HAZARD" DAN PETA RISIKO. DIANTARA KAJIAN-KAJIAN YANG TELAH DIJALANKAN ADALAH :

i. TAHUN 1996 – KAJIAN KESTABILAN DAN PENCEGAHAN JANGKA PANJANG JALANRAYA TIMUR-BARAT (GERIK – JELI) YANG MENGHASILKAN PETA "HAZARD" BAGI LALUAN INI.

- ii. **TAHUN 2004 – KAJIAN PERLINDUNGAN CERUN BAGI LALUAN PERSEKUTUAN TAMPARULI – SANDAKAN, SABAH. YANG MENGHASILKAN PETA "HAZARD" DAN RISIKO BAGI LALUAN INI.**
- iii. **TAHUN 2008 – PENILAIAN DAN PEMETAAN "HAZARD" BAGI KAWASAN HULU KLANG, SELANGOR.**
- iv. **TAHUN 2008 – PENILAIAN DAN PEMETAAN "HAZARD" BAGI JALAN GAP-BUKIT FRASER, PAHANG.**
- v. **TAHUN 2008 – PENILAIAN DAN PEMETAAN "HAZARD" BAGI JALAN SEREMBAN – KUALA KELAWANG, NEGERI SEMBILAN.**
- vi. **TAHUN 2008 – PENILAIAN DAN PEMETAAN "HAZARD" BAGI JALAN ARING – TASIK KENYIR, TERENGGANU.**

**DENGAN ADANYA MAKLUMAT INI SESUATU KAWASAN ITU DAPAT DIPANTAU DAN DISENGGARA DENGAN LEBIH SISTEMATIK DAN BERKESAN.**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,  
DISAMPING KAJIAN-KAJIAN YANG TELAH  
DILAKSANAKAN TERSEBUT, CAWANGAN  
KEJURUTERAAN CERUN JKR JUGA TELAH  
MENJALANKAN PROGRAM KESEDARAN AWAM  
TENTANG TANDA-TANDA AWAL KETIDAKSTABILAN  
CERUN DAN LANGKAH-LANGKAH PENYENGGARAAN  
CERUN YANG SESUAI.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN (AMPANG)**  
**TARIKH : 19.02.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [ AMPANG ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kerajaan bercadang mengguna pakai kaedah pendidikan Jepun seperti Misi Iwakura yang berjaya membantu Jepun melonjak dalam pendidikan semenjak zaman Revolusi Meiji hingga sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam proses menggubal Kurikulum Kebangsaan, asas-asas pertimbangan seperti Falsafah Pendidikan Negara, Misi Nasional, teori-teori pembelajaran dan pendapat orang awam diambilkira supaya kurikulum relevan dengan keperluan negara. Di samping itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga membuat penanda arasan dengan negara maju seperti Australia, Jepun, Korea, negara-negara Timur Tengah, United Kingdom dan negara-negara Scandinavia untuk mendapat input terkini tentang sistem pendidikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN

TARIKH: 19 FEBRUARI 2009

SOALAN:

**Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN [ Kota Belud ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) berapa ramai rakyat Malaysia yang telah memohon untuk pulang ke tanah air dalam Program menggalakkan warganegara Malaysia yang bekerja di luar negara pulang ke Malaysia hingga ke saat ini sejak program ini dilancarkan pada 1 Januari 2001; dan
- (b) berapa ramai lagi rakyat Malaysia yang masih bekerja di luar negara sama ada kerana tidak memohon dalam program ini atau yang gagal dalam permohonan.

PR-1221-L18334

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia telah menjalankan program bagi menggalakkan warganegara yang berkepakaran supaya pulang ke tanah air sejak 1 Januari 2001. Sehingga kini, sebanyak 1,225 permohonan telah diterima di bawah Program ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 662 permohonan telah diluluskan.

Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai maklumat mengenai rakyat Malaysia yang masih bekerja di luar negara. Usaha-usaha akan dibuat bagi mendapatkan maklumat berkenaan dengan kerjasama pihak yang berkenaan seperti Wisma Putra dan Keduataan dan Persuruhjaya Tinggi Malaysia dan lain-lain agensi Kerajaan di luar negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF**  
**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)**  
**SOALAN : NO 45 4.**

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [ Balik Pulau ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan senarai publikasi-publikasi ilmiah oleh para Naib Canselor di kesemua universiti tempatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Naib Canselor di sesebuah IPTA dipilih daripada mereka yang berkeelayakan, berpengalaman dan berkemahiran untuk mentadbir sesebuah universiti. Seseorang calon Naib Canselor dinilai melalui peranannya dalam bidang penyelidikan dan aktiviti akademik. Selain daripada itu, keanggotaan dalam badan-badan penyelidikan antarabangsa dan anugerah-anugerah yang mengiktiraf sumbangan mereka kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa juga adalah penting. Ini termasuk hasil penerbitan yang meliputi hasil kerja dan penyelidikan yang di bentang

atau diterbitkan dalam pelbagai seminar, persidangan, simposium, majalah, jurnal dan buku.

Banyak publikasi ilmiah telah dihasilkan oleh Naib-Naib Canselor IPTA dalam pelbagai bidang. Umpamanya penyelidikan dan penerbitan ilmiah dalam bidang fisiologi, perubatan dan kejuruteraan. Sebahagian daripada mereka juga merupakan penulis ruang mingguan dalam akhbar-akhbar tertentu seperti *New Straits Times*, *The Edge* dan Berita Harian.

Kementerian sentiasa memberi perhatian serius dalam pelantikan Naib-Naib Canselor IPTA termasuk keputusan untuk menyambung perkhidmatan Naib Canselor sedia ada yang akan dinilai oleh Jawatankuasa Semakan/Carian berdasarkan petunjuk prestasi (KPI) yang ditetapkan dan amalan terbaik dunia yang lain.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN NEGARA, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN  
SHAFEE [SETIU]

TARIKH : 19 FEBRUARI 2009

SOALAN :

MINTA **MENTERI KERJA RAYA** MENYATAKAN ADAKAH PROJEK LEBUHRAYA PANTAI TIMUR (LPT) PERINGKAT II DARI KUANTAN KE KUALA TERENGGANU AKAN DIKENAKAN TOL BERIKUTAN PEMBIAYAANNYA MENGGUNAKAN PERUNTUKAN DANA KHAS KERAJAAN PERSEKUTUAN (DKKP). KALAU DIKENAKAN TOL, APAKAH RASIONALNYA.

**JAWAPAN :**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, KOS PEMBINAAN LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA 2 DI BAWAH PENGAWASAN PIHAK LLM DAN JKR ADALAH BERJUMLAH RM 3.7 BILLION. KOS PEMBINAAN INI DITANGGUNG OLEH PIHAK KERAJAAN IAITU SEBANYAK 50% DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-9 DAN 50% DARIPADA WANG DANA KHAS.**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA 2 DIREKABENTUK SEBAGAI LEBUHRAYA SISTEM TOL TERTUTUP.**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, BAGI PENYELENGGARAAN LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA 2 INI, BAGI SETIAP TAHUN, RM24 JUTA**

**DIPERLUKAN UNTUK PENYELENGGARAAN RUTIN, MANAKALA BAGI PENYELENGGARAAN BESAR (*HEAVY MAINTENANCE*), KOS ADALAH BERLIPAT KALI GANDA LEBIH TINGGI DARIPADA PENYELENGGARAAN RUTIN.**

**WALAU BAGAIMANAPUN KEPUTUSAN SAMADA LEBUHRAYA INI BERTOL ATAU TIDAK MASIH BELUM DIPUTUSKAN OLEH KERAJAAN.**

NO:16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR**  
**( JERAI )**  
**TARIKH : 19. 02. 2009**  
**NO. SOALAN : 16**

**TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR ( JERAI )** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL- EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk menghalang kenaikan harga barangan asas seperti gula, tepung dan sebagainya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kerajaan sentiasa mengambil langkah berterusan bagi membendung kenaikan harga barangan keperluan. Antaranya tindakan yang diambil adalah :

- i) Melipatgandakan penguatkuasaan undang-undang melalui operasi pemeriksaan dan pemantauan harga barang-barang. Pemeriksaan dan pemantauan dilaksanakan meliputi semua peringkat perniagaan secara menyeluruh. Melalui lawatan dan

- pemeriksaan yang kerap oleh pegawai-pegawai tentunya akan memberi kesan kepada sesetengah peniaga yang tidak beretika yang ingin mengaut keuntungan berlebihan,
- ii) Melaksanakan kawalan harga secara pentadbiran ke atas lapan (8) jenis barangan kawalan sepanjang masa melalui penetapan harga siling,
  - iii) Memantau secara berterusan ke atas pengilang dan pemborong khususnya gula, tepung dan minyak masak yang memiliki lesen barang kawalan. Pengilang dan pemborong perlu mematuhi syarat-syarat khas yang dikenakan bagi menentukan pengeluaran bekalan mencukupi, mengemukakan penyata stok bulanan bagi memaklumkan kuantiti pengeluaran, pengedaran dan baki stok semasa untuk penelitian Kementerian serta tidak benar menaikkan harga tanpa kebenaran,
  - iv) Kerajaan turut mengekalkan harga gula pasir bertapis kasar dan halus sebagai barang terkawal di bawah Akta Kawalan Harga-1946 pada paras harga yang munasabah,
  - v) Pada musim perayaan Kerajaan mewartakan 25 jenis barang sebagai barang kawalan musim perayaan dikuatkuasakan dalam tempoh tertentu bagi membolehkan pengawalan dan pemantauan bekalan dan pengedaran barang-barang keperluan di pasaran dapat dilakukan. Bekalan yang sentiasa mencukupi di pasaran akan mempengaruhi dan menghalang berlakunya kenaikan harga,
  - vi) Melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) pada setiap tahun dengan mengawal harga dan bekalan ke atas 17 jenis barang mengikut kawasan dan tempoh tertentu berupaya menghalang kenaikan harga barangan. Tindakan undang-undang boleh dan akan dikenakan ke atas pemborong dan peruncit yang didapati engkar,
  - vii) Kerajaan juga mengadakan projek perintis dengan memberi subsidi pengangkutan ke kawasan luar bandar. Kementerian telah menjalankan 2 projek di Semenanjung dan

ketika ini 3 projek sedang dijalankan di Sabah dan Sarawak. Projek ini akan dipanjangkan ke luar bandar dan pendalaman seluruh negara, dan

- viii) Kementerian akan mengadakan perundingan dan penilaian dengan teliti apabila terdapat keperluan bagi menaikkan harga siling terhadap barangan kawalan untuk memastikan industri tempatan dapat meneruskan operasi. Sehingga kini, Kerajaan tidak membenarkan palarasan harga baru dan sehubungan dengan itu Kerajaan telah melaksanakan tindakan interkim melalui bantuan kewangan kepada industri pengeluar tempatan roti, tepung dan gula bagi mengimbangi kerugian kepada pihak industri terbabit dan pada masa yang sama rakyat juga tidak dibebani dengan kenaikan harga barang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH  
(JASIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.02.2009**

**Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah (Jasin) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah sebenar syarikat GLC di bawah MKD (Menteri Kewangan Diperbadankan) serta jumlah syarikat yang gagal dan terpaksa diambil alih kembali oleh pihak MKD.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 31 Januari 2009, bilangan syarikat di mana Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) memiliki pegangan majoriti adalah sebanyak 52 syarikat. Daripada jumlah tersebut, hanya sebuah syarikat sahaja iaitu Indah Water Konsortium Sdn Bhd yang terpaksa diambil alih semula oleh pihak MKD setelah diswastakan sebelumnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. KULASEGARAN A/L MURUGESON

TARIKH: 19 FEBRUARI 2009

SOALAN:

**Y.B. KULASEGARAN A/L MURUGESON** [ Ipoh Barat ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah pekerja-pekerja syarikat swasta yang telah dan akan hilang pekerjaan akibat kemelesetan ekonomi dan adakah penubuhan **TABUNG PEMBERHENTIAN KERJA (RETRENCHMENT FUND)** akan dapat mengurangkan beban pekerja-pekerja.

PR-1221-L16749

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pekerja swasta yang diberhentikan kerja akibat kemelesetan ekonomi mulai 1 Oktober 2008 sehingga 9 Februari 2009 adalah 19,650 orang. Jumlah ini meliputi 13,821 pekerja tempatan dan 5,829 pekerja asing. Jumlah ini tidak termasuk mereka yang terlibat secara pemberhentian sentara dan pengurangan gaji. Bilangan pekerja yang dijangka akan diberhentikan sepanjang tahun 2009 adalah di anggarkan diantara 40,000 hingga 58,000 orang. Angka ini adalah tertakluk kepada senario ekonomi global dan pakej rangsangan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sedang mengkaji bagi pelaksanaan Tabung Pemberhentian Kerja (*Retrenchment Fund*) bagi membantu pekerja yang diberhentikan tanpa pampasan disebabkan majikan tiada kemampuan untuk membayar pampasan atau gagal dikesan. Kementerian percaya tabung tersebut dapat mengurangkan beban pekerja-pekerja yang terlibat.

SOALAN NO: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE**  
**[ TENGGARA ]**  
**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009**  
**RUJUKAN : 1492**

**SOALAN:**

**Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Menteri Luar Negeri Malaysia mengakui kegiatan pemalsuan pasport antarabangsa Malaysia semakin serius dan apakah tindakan Kerajaan untuk membanteras kegiatan pemalsuan ini selain dari penggunaan teknologi Cip Pengenalan Frekuensi Radio (RFI) dan meneliti semula proses pengeluaran pasport dalam menjamin tahap keselamatan pasport antarabangsa Malaysia.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Tenggara yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pasport Malaysia adalah suatu dokumen perjalanan yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) kepada warganegara Malaysia bagi maksud perjalanan keluar negara. Pasport Malaysia adalah hak milik Kerajaan Malaysia dan boleh ditarik balik pada bila-bila masa jika terbukti pemegang telah mendapatkan Pasport serta menggunakannya dengan cara yang bercanggahan dengan Akta Pasport. Oleh yang demikian JIM sentiasa memantau dan menguatkuasakan perundangan di bawah Akta Pasport 1963 bagi kesalahan-kesalahan imigresen dan juga kesalahan jenayah yang dilakukan oleh warganegara Malaysia mahupun warga asing.

Seksyen 12, Akta Pasport 1963 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang terlibat dalam pembuatan dokumen palsu dan berhasrat untuk menggunakannya sendiri atau oleh mana-mana orang lain sebagai suatu pasport, jika disabitkan kesalahan akan dikenakan denda di antara RM 15,000.00 sehingga RM 100,000.00, penjara bagi suatu tempoh tidak kurang daripada 2 tahun tetapi tidak lebih daripada 10 tahun dan sebatan yang tidak melebihi daripada 6 sebatan rotan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, JIM telah mengeluarkan sejumlah **1,144,603** pasport bagi tahun 2007 dan daripada jumlah tersebut sebanyak **6,843** telah didaftarkan sebagai kes kecurian manakala **15,053** pula adalah di bawah kes kehilangan pasport Malaysia. Sehingga **31 Disember 2008** sejumlah **1,152,315** pasport telah dikeluarkan dan daripada jumlah tersebut **7,620** telah didaftarkan di bawah kategori kes kecurian manakala **16,897** pula di bawah kes kehilangan pasport Malaysia. Kerajaan menyedari dan sentiasa peka akan kegiatan pemalsuan pasport Malaysia yang semakin menular. Dalam menangani gejala ini, Kerajaan telah merangka beberapa mekanisme pemulihan dan pengawalan. Berikut adalah antara langkah-langkah penambahbaikan yang telah diambil oleh JIM bagi menangani masalah tersebut:

- (i) Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui JIM telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Pemantauan Isu-Isu Pergerakan Orang Di Pintu-Pintu masuk Negara bagi mengkaji dan memantau isu keselamatan terutamanya kegiatan pemalsuan pasport di pintu-pintu masuk udara utama negara. Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Penerbangan Awam, Malaysia Airport Berhad dan syarikat penerbangan. Ianya ditubuhkan bagi membantu Kementerian dan JIM melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan dan pengawalan kepada kegiatan pemalsuan pasport Malaysia;

- (ii) Bermula 15 September 2008, JIM telah menempatkan pegawai-pegawai imigresen sebagai Liason Officer (LO) untuk bekerjasama dengan Malaysia Airline System (MAS) dan pegawai –pegawai LO British di *bay/ gate* pelepasan bagi pemeriksaan sekuriti yang terakhir sebelum penumpang berlepas. Bagi peringkat permulaan, LO JIM akan hanya ditempatkan di *bay* bagi penerbangan ke United Kingdom dan Eropah. Langkah ini akan diperluaskan kepada penerbangan lain di masa hadapan bagi memastikan tiada penyalahgunaan atau pemalsuan pasport berlaku di pintu-pintu masuk utama negara;
- (iii) JIM melalui Akademi Imigresen Malaysia telah menyediakan latihan pengurusan pintu-pintu masuk kepada pegawai-pegawai Imigresen bagi mempertingkatkan kecekapan pegawai-pegawai menjalankan pemeriksaan dokumen perjalanan. JIM juga turut menyediakan latihan pemprosesan pasport sebanyak 4 fasa setahun kepada semua pegawai-pegawai Imigresen di seluruh negara;
- (iv) Latihan forensik turut disediakan kepada pegawai-pegawai imigresen bagi mempertingkatkan kemahiran dan kredibiliti pegawai imigresen dari masa ke semasa. Latihan ini penting bagi menjamin pemeriksaan keselamatan di pintu-pintu masuk dilakukan dengan teliti dan efektif. JIM melalui Akademi Imigresen Malaysia telah mengatur pelbagai bentuk latihan forensik yang melibatkan kerjasama antarabangsa dengan

beberapa negara seperti Australia, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Netherlands;

- (v) **Mengadakan kerjasama antarabangsa** dari aspek imigresen seperti perkongsian maklumat, pertukaran maklumat senarai syak, pemberian latihan, penempatan pegawai di pintu-pintu masuk bagi membantu pemeriksaan dokumen perjalanan dan sebagainya melalui beberapa negara. Pada masa kini Kementerian sedang dalam proses menyediakan Memorandum Persefahaman (MOU) mengenai isu-isu imigresen bersama Kerajaan British; dan
  
- (vi) Sebagai negara yang menganggotai *International Civil Aviation Organization* (ICAO), sebuah agensi khas yang ditubuhkan pada 1947 di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia sentiasa perlu mematuhi piawaian dan spesifikasi pasport antarabangsa seperti yang ditetapkan di dalam dokumen piawaian spesifikasi **ICAO 9303**. Justeru **sebagai langkah memperkukuhkan aspek keselamatan,** Kerajaan sedang berusaha mempertingkatkan kualiti pasport Malaysia pada awal tahun hadapan selaras dan menepati piawaian antarabangsa. Langkah Kerajaan menaik taraf pasport semasa kepada pasport versi ICAO akan memberikan impak yang positif dari aspek kawalan keselamatan seperti berikut:

- Pasport yang mengikut spesifikasi tersebut akan diiktiraf di peringkat antarabangsa dan menjadi saling kendali (*interoperability*) di pintu-pintu masuk negara yang memenuhi piawaian yang sama. Malah proses pemeriksaan imigresen akan menjadi lebih lancar, mudah dan cepat menggunakan kemudahan *autogate* untuk membaca dan mengesahkan pasport MRP versi ICAO di pintu-pintu masuk negara tersebut;
- MRP3 versi ICAO merupakan pergabungan dua teknologi iaitu biometrik dan *Radio Frequency Identification (RFID)*. Lengkap dengan ciri-ciri keselamatan dan pengecaman pengenalan yang berkesan, teknologi ini dikatakan mampu mengurangkan gejala penipuan, pemalsuan dan kecurian pasport. lanya disyorkan bagi tujuan penyeragaman dan pengawalan spesifikasi keselamatan di peringkat antarabangsa oleh pihak ICAO. Secara keseluruhannya, ia membantu pihak agensi penguatkuasa membuat pemantauan serta memastikan ketulenan keselamatan pasport tidak dipalsukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab;
- pasport ICAO tidak mudah dipalsukan berikutan ciri-ciri perlindungan keselamatan yang bertingkat. Ia juga dilengkapi dengan ciri pengesahan yang terbuka (*overt*) dan tersembunyi (*covert*) dari mata kasar atau

menggunakan peralatan khas. Selain itu, MRP3 versi ICAO juga mempunyai ciri-ciri anti tampering bagi melindungi pasport daripada dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh yang demikian, pelaksanaan MRP3 merupakan satu langkah penambahbaikan terhadap ciri-ciri kawalan keselamatan pasport bagi membantu kerajaan membanteras serta mengawal aktiviti yang tidak bertanggungjawab tersebut;

- Pelaksanaan MRP3 versi ICAO juga akan memberikan impak yang positif kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sebagai agensi penguatkuasa di kawalan pintu masuk negara. Penggunaan teknologi facial live capture dan percetakan tandatangan elektronik di pasport tersebut memberi kemudahan dari aspek pemantauan dan kawalan keselamatan oleh agensi penguat kuasa. Penambahbaikan ciri-ciri keselamatan e-pasport mengikut piawaian ICAO secara tidak langsung menaikkan imej dan meletakkan Malaysia sebagai negara peneraju teknologi keselamatan dokumen perjalanan yang paling efektif dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Kerajaan akan sentiasa berusaha mempertingkatkan dan memperkemaskan kawalan keselamatan dokumen perjalanan bagi mengawal penyalahgunaan dan penyelewengan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Justeru, langkah –langkah yang

diambil akan sentiasa diperkemas dari masa ke semasa selaras dengan dasar dan usaha kerajaan untuk memastikan pasport Malaysia tidak terdedah kepada pemalsuan melalui penggunaan teknologi pemalsuan terkini di samping memelihara integriti dan imej dokumen perjalanan negara agar terus kekal diiktiraf;

No: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA**  
**KAWASAN : BAKRI**  
**TARIKH : 19.02.2009 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN : 20**

**Y.B. TUAN ER TECK HWA (BAKRI) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah bilangan kilang-kilang perabot dan senaraikan jumlah nilai eksport di daerah Muar dan Ledang pada tahun 2005, 2006, 2007 dan 2008. Apakah dorongan dari Kerajaan untuk meningkatkan daya saing industri tersebut. Adakah Kerajaan mempunyai pusat perdagangan permenen di luar negara. Jika ya, senaraikan lokasinya jika tidak, mengapa.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang DiPertua,**

**Sehingga kini, terdapat lebih daripada 1,895 buah kilang perabot di Malaysia yang sebahagian besar atau lebih 50 peratus daripadanya tertumpu di daerah Muar dan Ledang yang mengeluarkan pelbagai jenis produk perabot untuk pasaran tempatan dan eksport.**

**Nilai eksport perabot keseluruhan pada tahun 2005 adalah berjumlah RM7,495.5 juta. Jumlah eksport perabot terus meningkat sebanyak 7.8**

peratus kepada RM8,080.1 juta pada tahun 2006 dan seterusnya terus meningkat sebanyak 5.8 peratus kepada RM8,547.7 juta pada tahun 2007. Pada tahun 2008, nilai eksport perabot terus mencatat pertumbuhan positif sebanyak 2 peratus kepada RM8,717.7 juta. Ini menunjukkan bahawa kemampuan pengeluar perabot tempatan untuk bersaing di pasaran antarabangsa semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Tuan Yang DiPertua,

Pelbagai langkah telah dan sedang diambil oleh Kerajaan sebagai usaha memastikan industri perabot terus berdaya saing di peringkat pasaran tempatan mahupun di pasaran eksport, antaranya;

- (i) menyediakan galakan Taraf Perintis dengan pengecualian cukai 70 peratus ke atas pendapatan berkanun selama 5 tahun atau Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60 peratus ke atas perbelanjaan modal yang layak untuk tempoh selama 5 tahun. Selain itu, galakan ini juga diberi kepada syarikat sedia ada yang dimiliki sekurang-kurangnya 51 peratus ekuiti Bumiputera yang membuat pelaburan semula dalam industri berasaskan kayu, termasuk pengilang perabot;
- (ii) memberi pengecualian duti import ke atas bahan mentah dan komponen yang digunakan dalam pengeluaran perabot. Selain itu, pengecualian duti import dan cukai jualan juga diberi ke atas mesin dan peralatan yang digunakan dalam proses pengeluaran;

- (ii) menyediakan bantuan geran seperti:
- (a) Geran Pembangunan Pasaran (MDG) yang disediakan kepada Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS) bagi membantu dalam aktiviti-aktiviti promosi dan pembangunan pasaran eksport;
  - (b) Geran Pembangunan Jenama (BPG) yang disediakan bagi tujuan membangun dan mempromosi produk dan perkhidmatan berjenama yang dimiliki oleh syarikat Malaysia di pasaran antarabangsa;
  - (c) Bumiputera Exporter Development Programme (BEDP) dan Women Exporter Development Programme (WEDP) yang merupakan program sokongan eksport untuk Bumiputera dan wanita yang memiliki perniagaan bersaiz kecil dan sederhana serta mempunyai pengalaman terhad dalam aspek pengeksportan. Program ini membantu EKS mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk memperluaskan eksport.
- (iii) menganjurkan pameran perdagangan, misi penggalakan pelaburan dan perdagangan dan misi pemasaran am dan khusus yang berkaitan promosi pasaran eksport;
- (iv) menganjurkan seminar dan bengkel untuk menggalakkan dan mendedahkan pengeksport mengenai pembangunan perdagangan dan peluang perniagaan di pasaran antarabangsa; dan

- (v) menubuhkan pejabat perwakilan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) di luar negara sebagai usaha dan komitmen berterusan Kerajaan ke arah menggalakkan lebih banyak kemasukan pelaburan, mempertingkatkan lagi eksport produk perabot ke pasaran luar negara dan mengenalpasti peluang pasaran baru.

Tuan Yang DIPertua,

Sebagai salah satu daripada langkah untuk mempromosi produk keluaran Malaysia, termasuk perabot di pasaran antarabangsa, Kerajaan melalui MATRADE pada masa ini mempunyai empat (4) buah Pusat Perdagangan Malaysia (Malaysia Trade Center) yang tetap di Emiriyah Arab Bersatu (Dubai), Afrika Selatan (Johannesburg), Belanda (Rotterdam) dan Hong Kong. Pusat Perdagangan yang lengkap dengan kemudahan ruang pameran, berperanan dalam memberi peluang kepada pengekspor Malaysia mempamerkan produk dan perkhidmatan yang disediakan untuk pasaran eksport.

\*\*\*\*\*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK IR. EDMUND CHONG KET  
[ BATU SAPI ]

TARIKH JAWAPAN : 19 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Datuk Ir. Edmund Chong Ket minta MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI menyatakan apakah status loji penjanaan arang batu di Sabah. Jika loji tersebut akan diteruskan pembinaannya, berapakah kos projek tersebut dan bilakah tarikh dijangka siap.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan sentiasa prihatin akan tanggungjawab bagi memastikan negara mempunyai bekalan elektrik yang mencukupi dan berdaya harap. Pembinaan stesen jana kuasa di Pantai Timur Sabah amatlah penting setelah mengambil kira situasi bekalan elektrik di Sabah, terutamanya di pantai timur yang berada di tahap kritikal.

Pada masa ini, Pantai Timur Sabah bergantung kepada stesen-stesen jana kuasa diesel yang tidak berdaya harap bagi membekalkan bekalan elektrik *base load*, dengan izin. Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) masih menggunakan loji jana kuasa diesel yang sudah lama, iaitu telah berusia lebih dari 20 tahun yang menjadikan kos pengeluaran semakin tinggi dan daya boleh harap loji tersebut semakin menurun. Ini telah menjejaskan daya harap bekalan elektrik, terutamanya di Pantai Timur Sabah. Oleh yang demikian, pembinaan stesen jana kuasa yang baru amatlah penting bagi meningkatkan daya harap pembekalan elektrik di Pantai Timur Sabah serta mengelakkan berlakunya gangguan bekalan elektrik kepada penduduk-penduduk negeri Sabah pada masa akan datang.

Cadangan lokasi asal Projek Loji Jana kuasa Arang Batu Berkapasiti 300MW bertempat di Lahad Datu, Sabah telah dibatalkan ekoran bantahan yang diterima dari pelbagai pihak. Sehubungan itu, pihak Kerajaan telah mengambil beberapa usaha supaya projek tersebut dapat dilaksanakan bagi menangani masalah bekalan elektrik di Pantai Timur Sabah. Satu lokasi alternatif bagi projek tersebut telah dikenal pasti, iaitu di kawasan *Palm Oil Industrial Cluster (POIC)*, Sandakan. Buat masa ini, kajian *Environmental Impact Assessment (EIA)*, dengan izin, ke atas tapak projek tersebut sedang dilaksanakan. Pelaksanaan projek tersebut akan dibuat berasaskan hasil kajian EIA dan pandangan serta maklum balas masyarakat setempat berhubungnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, loji jana kuasa berasaskan arang batu berkapasiti 300MW di Pantai Timur Sabah ini akan menggunakan teknologi "*clean coal*" seperti yang sedang diguna pakai di loji-loji jana kuasa arang batu di Semenanjung Malaysia yang terbukti mesra alam dan bertaraf dunia.

Kos projek bagi melaksanakan projek ini akan hanya ditentukan selepas mengambil kira hasil kajian EIA, manakala tempoh masa yang diperlukan bagi melaksanakan sesuatu loji jana kuasa arang batu berskala ini adalah di antara 3 hingga 4 tahun.

\*\*\*\*\*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PN. TEO NIE CHING [SERDANG]

TARIKH : 19 FEBRUARI 2009

SOALAN :

MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN JUMLAH PINJAMAN SYARIKAT KONSESI, KOS BAGI PEMBINAAN, KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN, OPERASI, "MAINTENANCE COST" DAN SEBAGAINYA YANG DITANGGUNG OLEH SYARIKAT KONSESI BAGI PEMBINAAN LEBUHRAYA SUNGAI BESI.

**JAWAPAN :**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI BERHORMAT, PEMEGANG KONSESI BAGI LEBUHRAYA SUNGAI BESI ADALAH SYARIKAT BESRAYA (M) SDN. BHD. (BESRAYA). LEBUHRAYA INI TELAH DIBINA PADA TAHUN 1996 DAN BEROPERASI PADA TAHUN 1999. SECARA KESELURUHANNYA, JUMLAH PINJAMAN BAGI BESRAYA ADALAH SEBANYAK RM532.1 JUTA.**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, KOS PEMBINAAN PROJEK LEBUHRAYA INI ADALAH SEBANYAK RM509 JUTA.**

**KOS PENYENGGARAAN RUTIN YANG TELAH DIBELANJAKAN SEHINGGA TAHUN KEWANGAN MAC 2008 ADALAH SEBANYAK RM 30.13 JUTA DENGAN PURATA SEBANYAK RM 3.01 JUTA SETAHUN SEPANJANG 10 TAHUN BEROPERASI. MANAKALA KOS**

**PENYENGGARAAN BESAR (*HEAVY MAINTENANCE*)/  
NAIKTARAF YANG TELAH DIBELANJAKAN SETAKAT INI  
ADALAH RM93.36 JUTA.**

**KOS OPERASI YANG TELAH DIBELANJAKAN BAGI  
TEMPOH TERSEBUT ADALAH SEBANYAK RM 36.88  
JUTA.**

No: 23

NO. SOALAN : 25/23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN RAIME BIN UNGGI**  
**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009**

**SOALAN:**

**TUAN RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejauh manakah kewujudan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di negara ini dapat membantu pelajar-pelajar di luar bandar negeri Sabah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu strategi kerajaan bagi meningkatkan modal insan adalah dengan melahirkan lebih ramai pelajar yang berkualiti dan golongan profesional terutama di kalangan Bumiputera. Ini adalah tujuan utama penubuhan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) iaitu bagi meneruskan kecemerlangan pencapaian akademik pelajar-pelajar Bumiputera dari bandar dan luar bandar terutama di dalam bidang jurusan sains dan teknologi.

Terdapat sebanyak empat puluh (40) buah MRSM di seluruh Malaysia yang telah beroperasi, tujuh (7) buah dalam pembinaan dan lapan (8) buah projek baru di dalam RMKe-9. Ini termasuk di negeri Sabah terdapat dua (2) buah MRSM yang telah beroperasi iaitu MRSM Kota Kinabalu pada tahun 2002, MRSM Tawau pada

tahun 2008 dan sebuah (1) MRSM sedang dibina di bawah projek RMKe-9 dan dijangka siap pada tahun 2010 iaitu MRSM Sandakan. Ketiga-ketiga MRSM berkenaan boleh menampung seramai 2,250 pelajar iaitu seramai 750 orang bagi setiap MRSM tersebut. Pada tahun 2008, seramai 685 pelajar telah mengikuti pembelajaran di MRSM Kota Kinabalu manakala MRSM Tawau telah mula membuat pengambilan seramai 206 pelajar.

Dengan kewujudan MRSM di negeri Sabah, ianya telah membuka peluang kepada penduduk tempatan terutamanya pelajar-pelajar dari luar bandar untuk sama-sama mendapat sistem pendidikan yang terbaik dan tidak merasa dipinggirkan. MECD melalui MARA dari semasa ke semasa akan terus menjadikan MRSM sebagai sebuah pusat pembelajaran yang dilengkapi infrastruktur moden dan selesa bagi menyediakan suasana pembelajaran yang lebih efektif dan kondusif. Pelajar-pelajar luar bandar yang mendapat sistem pendidikan MRSM ini akan berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di dalam dan luar negara seterusnya menjadi tenaga manusia yang sangat diperlukan bagi pembangunan negeri Sabah khususnya dan negara secara amnya. Ini secara tidak langsung dapat menyumbang kepada penjana ekonomi negeri Sabah itu sendiri.

**Disediakan oleh :** Puan Faridah binti Md. Jamil  
Penolong Pengarah (PP)  
Tel : 03 - 8880 5765  
H/P: 013 - 340 3474 

**Disemak oleh :** Encik Afandi bin Nordin  
Ketua Penolong Pengarah Kanan (KPPK)  
Tel : 03 - 8880 5772  
H/P: 019 - 693 7200 

**Diluluskan oleh :** Y.Bhg. Dato' Musa bin Muhamad  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi 

No: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA  
[ PARIT BUNTAR ]**

**TARIKH JAWAPAN : 19 FEB 2009 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN : NO. 24**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan berkaitan projek Satu Kawasan Parlimen Satu Pusat Internet Untuk Komuniti, apakah perkembangannya setelah ia dilancarkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Selaras dengan pindaan ke atas Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejangat - USP) yang telah diwartakan pada 1 Ogos 2008 di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, perkhidmatan jalur lebar telah ditetapkan sebagai salah satu perkhidmatan sejangat untuk kawasan serta kumpulan dalam masyarakat yang kurang liputan. Sehubungan itu, Kementerian bersama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah merangka pendekatan pelaksanaan yang

baru bagi meningkatkan kadar penembusan jalur lebar dan merapatkan jurang digital di negara ini.

Pelaksanaan program baru ini adalah diyakini dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan untuk mewujudkan "Satu Kawasan Parlimen, Satu Pusat Komuniti Jalur lebar". Dua (2) projek utama yang telah dan sedang dibangunkan di bawah program USP ini ialah Pusat Jalur lebar Komuniti (PJK) dan Perpustakaan Jalur lebar (PJL) meliputi 135 daerah USP di seluruh negara.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 31 Januari 2009, sebanyak 85 buah PJK dan 105 PJL sedang dilaksanakan di mana 12 PJK dan 44 PJL telah pun beroperasi sejak tahun 2008 manakala bakinya dijangka siap sepenuhnya menjelang Mac 2009.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN  
BUMBURING @ WILFRED  
(TUARAN)**

**TARIKH : 19.02.2008**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED [ TUARAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah perkembangan projek pembinaan sekolah menengah Tamparuli dua di Daerah Tuaran. Adakah benar tapak sekolah tersebut dipindahkan dari pekan Nabalu seperti yang diumumkan dulu ke kawasan lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses pengambilan balik tanah tapak SMK Tamparuli 2 di Tamparuli telah selesai dibuat, penduduk pekan Nabalu tidak bersetuju projek dilaksanakan di tapak tersebut kerana lokasi yang jauh dari tempat tinggal penduduk. Oleh yang demikian, satu tapak baru telah dicadangkan di Pekan Nabalu dan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedang meneliti kesesuaian tapak baru tersebut memandangkan tapak ini adalah kawasan yang berbukit-bukau.

Berdasarkan kepada laporan awal siasatan tanah, KPM mendapati tapak yang dicadangkan di Nabalu berada di kawasan yang mengalami pergerakan bawah tanah. Keadaan ini boleh memberi kesan yang negatif kepada struktur

bangunan dan juga keselamatan pelajar dan guru apabila pembinaan dilaksanakan nanti. Berikutan itu, KPM masih melakukan siasatan lanjut bagi menjamin tapak ini benar-benar selamat digunakan bagi tujuan pembinaan bangunan. KPM menjangkakan projek ini akan dapat dilaksanakan pada akhir RMKe-9 dan disambung di dalam RMKe10.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Tuan Haji Che Uda bin Che Nik (Sik)

TARIKH : 19 FEBRUARI 2009 [26]

SOALAN : **YB Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan Negara-negara Islam adalah pelanggan utama Syarikat Pengeluar Senjata Amerika Syarikat. Adakah Malaysia sebagai salah sebuah Negara anggota OIC berhajat untuk mempelopori kempen memboikot pembelian senjata dari syarikat USA ini.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Sik atas soalan yang telah dikemukakan.

Berhubung dengan saranan supaya Malaysia mempelopori kempen memboikot pembelian senjata dari syarikat USA, Kerajaan Malaysia tidak bercadang untuk berbuat demikian. Kita perlu ketahui bahawa negara-negara di dunia ini termasuk negara-negara Islam mendapatkan bekalan senjata daripada pembekal-pembekal di negara maju seperti Amerika Syarikat, Rusia, negara-negara Eropah dan sebagainya. Ini adalah hak mereka termasuk Malaysia untuk mempertahankan kedaulatan, keselamatan dan keutuhan wilayah negara masing-masing. Sebarang tindakan seperti disarankan ini perlu memperhalusi implikasi jangka panjang dari aspek keselamatan, ekonomi dan politik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI AHMAD BI HAJI MASLAN**

**TARIKH: 19 FEBRUARI 2009**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN HAJI AHMAD BI HAJI MASLAN [ Pontian ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah mikro dan makro dalam jangka masa pendek dan panjang untuk mengatasi dan mengelakkan daripada berlaku pengangguran pekerja dalam masa ketidaktentuan keadaan ekonomi sekarang ini.

PR-1221-L17159

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Krisis ekonomi global yang sedang berlaku memberi kesan kepada banyak negara, termasuk Malaysia. Sektor-sektor yang agak terjejas oleh krisis ekonomi adalah sektor pembuatan khususnya subsektor elektronik, elektrik dan tekstil dan pakaian.

Sehubungan itu, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengambil langkah-langkah untuk membantu penganggur dan pencari kerja mendapatkan pekerjaan. Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, bukan semua pencari kerja adalah penganggur. Terdapat mereka mencari peluang pekerjaan yang lebih baik serta mendapatkan pengalaman kerja yang baru bagi meningkatkan kemajuan kerjaya mereka.

Tuan Yang Di Pertua,

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk membantu pencari kerja adalah menwujudkan Jawatankuasa *Tripartite* Pemantauan Pemberhentian Pekerja di peringkat Kebangsaan dan Negeri yang bertujuan untuk memantau dan mengatasi impak krisis ekonomi dan membantu pekerja yang diberhentikan mendapat pekerjaan. Dalam perkara ini, majikan daripada semua sektor, pertubuhan majikan, kesatuan sekerja dan Kerajaan perlu menyumbang idea yang bernas untuk mengelakkan pengangguran dan pemberhentian pekerja. Cadangan dan pandangan daripada semua pihak termasuk daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sangatlah di alu-alukan.

Bagi membantu pencari kerja mendapatkan pekerjaan, KSM telah menubuhkan 80 Bilik Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja di seluruh negara. Tugas Bilik Operasi ialah:-

- i) Memantau insiden / laporan pemberhentian pekerja;
- ii) Mendapatkan maklumat terkini mengenai kekosongan jawatan;
- iii) Membantu pencari kerja mendapatkan pekerjaan;
- iv) Mengumpul maklumat mengenai pemberhentian kerja tetap, pemberhentian secara sukarela (VSS), pemberhentian sentara (*lay-off*) dan pengurangan gaji.
- v) Pegawai-pegawai KSM akan melawat majikan yang ingin memberhentikan pekerja dengan membantu majikan terlibat untuk mengambil langkah / opsyen selain dari pemberhentian kerana pemberhentian pekerja merupakan pilihan terakhir.
- vi) Sekiranya pemberhentian pekerja tidak dapat dielakkan, majikan dihendaki memberhentikan pekerja asing terlebih dahulu sebelum pekerja tempatan diberhentikan.

- vi) Memantau secara proaktif kekosongan jawatan di sektor awam dan swasta dan seterusnya menguruskan penempatan pekerjaan dengan kerjasama pihak majikan;

Tuan Yang Di Pertua,

KSM adalah komitted untuk membantu pencari kerja mendapatkan dan telah mewujudkan sistem *JobsMalaysia* bagi memadankan pencari kerja dengan kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat di sistem itu. Di samping itu, KSM juga mengambil tindakan melaksanakan Program Penempatan Pekerjaan (*Train and Place Program*) dua kali sebulan seluruh negara dengan menyediakan kemudahan bagi majikan mengadakan temu duga terbuka.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN  
(TANJONG MANIS)**

**TARIKH : 19.02.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa kali dalam setahun, Menteri, Timbalan Menteri atau Ketua Pengarah turun untuk melihat keadaan sekolah di kawasan pedalaman di Sarawak seperti di kawasan Parlimen Tanjung Manis, Hulu Rejang, Batang Lupar dan Baram.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat prihatin dengan masalah pembangunan yang dihadapi oleh sekolah-sekolah, terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman. Sehubungan itu, tujuan KPM mewujudkan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dengan pelbagai sektor dan unit adalah berfungsi untuk memantau serta mengambil tindakan sewajarnya dalam semua aspek pendidikan di setiap negeri termasuklah di negeri Sarawak. Ketua jabatan di JPN dan PPD merupakan wakil pengurusan tertinggi Kementerian Pelajaran dan bertanggungjawab dalam memastikan setiap permasalahan yang timbul di negeri berkenaan untuk diambil tindakan sewajarnya.

No: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING  
[TAIPING]**

**TARIKH JAWAPAN : 19 FEBRUARI 2009  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN : 30**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah keputusan rundingan Kerajaan dengan IPP (*Independant Power Producer*) demi melindungi kepentingan rakyat dan Tenaga Nasional Berhad yang terpaksa membayar RM12.1 bilion kepada IPP pada 2009.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan telah memulakan rundingan dengan pihak penjana-penjana bebas (IPP) pada tahun 2006 untuk mengkaji semula terma-terma Perjanjian Pembelian Tenaga atau *Power Purchase Agreement*

(PPA), dengan izin. Strategi rundingan adalah bagi mendapatkan penyelesaian *win-win* berhubung dengan perjanjian tambahan kepada Perjanjian Pembelian Kuasa antara IPP dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Semenanjung dengan objektif antara lainnya adalah bertujuan membantu memperbaiki kedudukan kewangan TNB, mewujudkan keadaan *level playing field*, dengan izin, kepada semua *players* dalam industri.

Walau bagaimanapun, rundingan tersebut terpaksa dihentikan pada Mac 2007 kerana ia telah menjejaskan kedudukan di pasaran saham bagi IPP yang terlibat. Rundingan semula PPA adalah satu usaha yang amat kompleks kerana kesan negatif yang timbul ke atas industri pelaburan dan pasaran kewangan di negara ini. Oleh itu, Kerajaan telah memutuskan supaya rundingan semula Perjanjian Pembelian Tenaga atau dengan izin, *Power Purchase Agreement* (PPA) dengan semua IPP ditangguhkan buat sementara waktu sehingga kajian menyeluruh dibuat mengenai penstrukturan semula industri bekalan elektrik negara selesai dilaksanakan.

Justeru, sebagai usaha untuk melindungi kepentingan rakyat serta TNB, Kerajaan berhasrat untuk memulakan rundingan semula PPA dalam masa yang terdekat. Antara strategi yang akan

dipertimbangkan dalam rundingan semula PPA adalah perkongsian risiko oleh pihak-pihak lain termasuk IPP dalam memastikan *sustainability* pihak TNB sebagai *single offtaker* dengan izin di samping pembangunan industri elektrik yang mapan. Dalam masa yang sama, pihak TNB juga perlu mengambil maklum akan sumbangan IPP dalam meningkatkan kecekapan pembekalan elektrik sedia ada.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN DING KUONG HIING**  
**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)**  
**SOALAN : NO. ~~32~~ 31**

Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang menambah bilangan induk Universiti Awam atau Swasta di Sarawak jika dibandingkan dengan semua negeri di Semenanjung. Jika tidak, nyatakan sebab. Jika ya, bila dan lokasi dikenal pasti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di- Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini telah terdapat 3 buah universiti awam di Sarawak iaitu Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Putera Malaysia (UPM) Cawangan Bintulu dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Mukah. Selain itu terdapat 36 buah Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) seperti Curtin University, Swinburne University dan Institut Teknologi Kreatif Limkokwing.

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menambah bilangan universiti awam termasuk di Sarawak. Institut Pengajian Tinggi Awam

(IPTA) sedia ada mampu menampung keperluan akses pengajian tinggi dan keutamaan diberi kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan seperti yang digariskan di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak mempunyai halangan terhadap penubuhan IPTS di Sarawak. IPTS yang ditubuhkan hendaklah menyediakan persekitaran yang kondusif dan sistem pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN  
(PASIR PUTEH)**

**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009 ( KHAMIS )**

**SOALAN :**

**Y.B Tuan Muhammad bin Husain ( Pasir Puteh ) minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
menyatakan apakah mekanisme yang diguna pakai pihak  
Kementerian dalam menentukan pemilihan mereka yang layak  
mendapat bantuan kebajikan masyarakat.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kewangan kepada kumpulan sasaran jabatan. Mekanisme yang digunakan oleh JKJ bagi menentukan pemilihan mereka yang layak mendapat bantuan kebajikan masyarakat adalah berdasarkan siasatan dan penilaian (*means-tested*) termasuk mengadakan lawatan ke rumah. Selain itu, pemilihan juga dibuat dengan mengambil kira syarat-syarat asas permohonan bantuan JKJ iaitu:-

- i. Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia;
- ii. Pendapatan keluarga tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM720 bagi Semenanjung

Malaysia, RM960 bagi Negeri Sabah dan RM830 bagi Negeri Sarawak; dan

- iii. Golongan yang tidak berkemampuan dan berkeperluan yang mengambilkira faktor-faktor lain termasuk bilangan anak/tanggungan, bilangan anak-anak yang bekerja, keadaan rumah kediaman, umur pemohon/ketua keluarga, kecacatan dan keuzuran disebabkan penyakit.

No: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROSNAH BINTI ABDUL RASHID SHIRLIN  
(PAPAR)

TARIKH : 19 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)

**SOALAN NO. 48:**

**Datuk Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin (Papar) minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan:-**

- (a) program Kementerian yang akan dilaksanakan untuk pembangunan sukan dan belia di kawasan Parlimen Papar; dan
- (b) bilakah Kementerian bercadang untuk membina kompleks sukan bagi kawasan Parlimen Papar.

## **JAWAPAN**

### **(A)**

1. Bagi Parlimen Papar, terdapat 10 program pembangunan belia, rakan muda dan sukan yang akan dilaksanakan pada tahun ini iaitu:

#### **PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA DAN RAKAN MUDA**

- i. Program Komuniti Belia Remaja (Y2Y) Parlimen Papar
- ii. Kursus Asas Perniagaan
- iii. Seminar Kerjaya Sehari
- iv. Aktiviti Gaya Hidup Penggerak Rakan Muda
- v. Program Rakan Muda Wawasan Desa
- vi. Program Rakan Muda Jiran Muda
- vii. Program Sukarelawan Rakan Muda
- viii. Program Weekend Champ (2 Projek)

#### **PROGRAM PEMBANGUNAN SUKAN**

- i. Liga Sukan Komuniti (LSK) Peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN)
- ii. Cabaran Kecergasan Malaysia (Tiada Alasan) Peringkat Daerah.

**(B)**

2. Berhubung pembinaan kompleks sukan, KBS bercadang membina 4 buah Gelanggang Sukan Pelbagai Guna yang akan dibina di kawasan Parlimen Papar, Sabah dan dijangka akan mula dilaksanakan pada bulan April 2009.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK  
(RASAH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.2.2009**

**SOALAN NO : 34**

Tuan Loke Siew Fook (Rasah) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah 'Special Draw 4D' yang telah dibenarkan oleh Kerajaan sepanjang tahun 2008, kutipan cukai untuk 'special draw' tersebut dan apakah rasional Kerajaan membenarkan 'special draw' tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sejumlah 10 cabutan khas (*special draw*) yang telah dibenarkan oleh Kerajaan pada tahun 2008. Jumlah kutipan cukai yang diperolehi daripada cabutan khas tersebut adalah sebanyak RM77,026,171.04. Kerajaan membenarkan cabutan khas diadakan berdasarkan kepada keperluan semasa yang bertujuan untuk membiayai pelbagai program/projek pembangunan yang berbentuk sukan, kebajikan, pendidikan, kesihatan dan kemasyarakatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM)**

**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Y.B Tuan Salleh bin Kalbi (Silam) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mewujudkan masyarakat warga tua yang sejahtera dan bermaruah sepertimana yang tertera dalam Dasar Warga Tua Negara kerana kadar peningkatan bilangan penduduk tua yang tinggi.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan warga emas di negara ini, yang semakin meningkat bilangannya saban tahun. Kini penduduk Malaysia yang berumur 60 tahun dan ke atas ialah 6.9% atau 1.9 juta daripada 27.7 juta penduduk. Mengikut unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia, peratusan warga emas di Malaysia akan mencecah 9% pada tahun 2015 dan 10% pada tahun 2020, iaitu '*ageing society*'.

Pertambahan penduduk warga emas akan memberi impak ke atas sosio-ekonomi negara. Untuk menangani isu penuaan negara, Dasar Warga Tua Negara telah digubal pada tahun 1995 bertujuan untuk mewujudkan masyarakat warga emas yang sejahtera, bermaruah, mempunyai martabat yang tinggi, dengan mengoptimumkan potensi diri mereka dan menentukan mereka menikmati semua peluang di samping mendapat penjagaan dan perlindungan sebagai ahli

keluarga dan masyarakat. Untuk makluman Yang Berhormat, KPWKM kini sedang mengkaji semula Dasar Warga Tua Negara agar ia sesuai dengan perubahan dan keperluan semasa dalam mewujudkan masyarakat warga emas yang berdikari, mempunyai harga diri dan bermaruah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, Kerajaan juga telah membina sebanyak 19 buah Pusat Jagaan Harian Warga Emas di seluruh negara bagi memberi kemudahan penjagaan harian kepada warga emas terutama bagi mereka yang tinggal berseorangan semasa ketiadaan ahli keluarga atau penjaga yang keluar bekerja. Perkhidmatan ini disediakan supaya warga emas dapat berdikari, berinteraksi sesama mereka dan masyarakat, selain memperolehi pengetahuan dan kemahiran serta terus dapat menyumbang khidmat kepada masyarakat setempat.

Bagi memastikan kebajikan golongan warga emas yang miskin dan kurang bernasib baik, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan

Masyarakat (JKM) memberi bantuan kewangan iaitu Bantuan Orang Tua (BOT) sebanyak RM300 seorang sebulan kepada warga emas yang berpendapatan isi rumah (pendapatan garis kemiskinan semasa) RM720 bagi Semenanjung, RM960 bagi Sabah dan RM830 bagi Sarawak agar dapat mengurangkan beban kos sara hidup mereka. Bantuan ini bertujuan supaya mereka terus kekal berada dalam masyarakat. Kemasukan warga emas ke dalam institusi kebajikan adalah sebagai langkah terakhir.

Walau bagaimanapun, warga emas yang tiada waris dan memerlukan jagaan dan perlindungan, mereka akan ditempatkan sama ada di Rumah Seri Kenangan bagi mereka yang boleh mengurus diri atau di Rumah Ehsan bagi kes terlantar (*bed ridden*). Pada masa ini, terdapat 9 buah Rumah Seri Kenangan dan 2 buah Rumah Ehsan di bawah JKJ.

Dari aspek kesihatan warga emas, satu Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas Negara telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 1997 sebagai panduan kepada semua pihak yang berkenaan dalam memastikan penjagaan

kesihatan yang berkualiti kepada warga emas. Selain itu, Dasar Kesihatan Warga Emas Negara juga telah digubal oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2008.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B PUAN SITI ZAILAH BINTI  
MOHD YUSOFF (RANTAU PANJANG)**

**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Y.B Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang) minta  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT menyatakan apakah ada langkah-langkah  
penjimatan yang dilaksanakan dalam menjalankan aktiviti  
Kementerian dan jika ada, nyatakan jumlah penjimatan dan adakah  
ianya tidak menjejaskan mutu dan keberkesanan program  
Kementerian.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sentiasa mengamalkan perbelanjaan berhemah dan berjimat cermat dengan mematuhi sepenuhnya Pekeliling Perbendaharaan yang dikeluarkan dan berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

Di samping langkah-langkah berbelanja secara berhemah dan berjimat cermat ini sepertimana digariskan oleh Perbendaharaan, KPWKM juga melaksanakan langkah-langkah penjimatan tambahan. Antaranya ialah berkaitan kerja lebih masa, perjalanan dalam dan luar negeri, penggunaan utiliti dan penganjuran majlis-majlis rasmi. Perkara-perkara ini terkandung dalam Garis Panduan Mengurangkan Perbelanjaan Awam pada 17 Jun 2008 dan Kawalan Dalaman Bagi Perbelanjaan Berhemah pada 18 Julai 2008, dan perlu dipatuhi oleh Kementerian dan agensi-agensi di bawah seliaannya iaitu Jabatan

Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Institut Sosial Malaysia (ISM) dan NAM Institute Empowerment of Women (NIEW).

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian tidak mempunyai data-data terperinci berkaitan penjimatan yang telah dibuat bagi setiap aktiviti. Walau bagaimanapun, penjimatan yang telah dibuat ini telah membolehkan Kementerian membayar gaji pegawai dan kakitangan lantikan baru JKM seramai 1,489 orang serta membolehkan sejumlah RM4,539,205 digunakan untuk pembaikan Pejabat-pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) tanpa memerlukan peruntukan tambahan daripada Perbendaharaan.

Langkah-langkah ini juga telah dapat membudayakan sikap berjimat cermat dan berbelanja secara berhemah oleh semua pegawai dan kakitangan KPWKM dan agensi-agensinya di bawah seliannya.

Langkah-langkah penjimatan dan perbelanjaan secara berhemah tidak menjejaskan mutu dan keberkesanan aktiviti Kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya. Sebaliknya langkah-langkah ini dapat menjadikan pelaksanaan program-program Kementerian dibuat secara lebih efisien dan berkesan.

NW: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]**

**TARIKH : 19 Februari 2009 (Khamis)**

**SOALAN :**

**Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaik tarafkan Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM) kepada sebuah lapangan terbang bertaraf antarabangsa. Jika ya, bila dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi tujuan tersebut.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini, Kerajaan mengekalkan taraf Lapangan Terbang Sultan Mahmud sebagai bertaraf domestik kerana operasi utama LTSM buat masa ini adalah masih penerbangan domestik. Walau bagaimanapun, LTSM mampu mengendalikan penerbangan antarabangsa seperti yang telah dilaksanakan di dalam tahun 2008 bagi penerbangan haji dan juga penerbangan kargo untuk *Endurance Games* di Kuala Terengganu.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan akan memberi pertimbangan akan cadangan untuk menjadikan LTSM sebagai lapangan terbang antarabangsa sekiranya terdapat syarikat-syarikat penerbangan tempatan atau asing yang mengendalikan penerbangan ke destinasi luar negara dari/ke LTSM secara berterusan.

No : 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : SOALAN LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN TAN TEE BENG  
(NIBONG TEBAL)

TARIKH : 19 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)

**SOALAN NO. 17**

Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan Kementerian telah memperuntukkan beberapa juta bagi pembinaan mini stadlum ataupun pusat sukan di kawasan kampung. Apakah rancangan Kementerian pada tahun ini.

## **JAWAPAN**

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010), KBS tidak merancang untuk membina Stadium Mini, namun telah memperuntukkan sebanyak **RM279 juta** bagi pembinaan prasarana serta kemudahan sukan di seluruh negara. Sebanyak **RM195 juta** telah diperuntukkan bagi pembinaan **1300 buah Gelanggang Sukan Pelbagai Guna** dengan memberi tumpuan kepada kawasan luar bandar (telah bermula dan akan diteruskan sehingga tahun 2010), **RM33 juta** bagi pembinaan Kompleks Sukan Komuniti di kawasan luar bandar dan pembinaan akan dimulakan tahun 2009.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM  
(SERIAN)**

**TARIKH : 19 .02.2009**

**SOALAN :**

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan mengapa pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di negeri Sarawak termasuk di kawasan Parlimen Serian lembap sekali sejak kebelakangan ini dan mengapa tidak satu pun Projek Lampu Jalan Kampung (LJK) dilaksanakan di kawasan Parlimen Serian sejak lima tahun lalu.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian kemajuan Luar Bandar dan Wilayah(KKLW) kini sedang melaksanakan 5 projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) sambungan talian grid bernilai RM5.65 juta di kawasan Parlimen Serian. Pelaksanaan projek bermula pada 15 April 2008 dan akan siap sepenuhnya pada 14 Oktober 2009. Sehingga kini kemajuan kerja di tapak bina telah mencapai 32 % dan Kementerian yakin projek ini akan dapat disiapkan mengikut jadual.

Bagi pelaksanaan projek Lampu Jalan Kampung(LJK) pula, Kementerian pada 30 Januari 2009 telah menawarkan kontrak berjumlah RM5.0 juta kepada

syarikat SESCO Berhad untuk pemasangan kira-kira 6,400 unit LJK diseluruh negeri Sarawak. Pelaksanaan projek bermula pada 15 Februari 2009 dan dijangka akan siap sepenuhnya pada 14 Februari 2010.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM**  
**(BERUAS)**  
**TARIKH : 19.02.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada janji Kerajaan Persekutuan kepada sekolah bantuan modal untuk memberikan wang pembangunan sekolah sama jumlah dengan yang dikutip oleh sekolah-sekolah berkenaan masih dilaksanakan dan bagaimanakah jumlah bantuan modal oleh Kerajaan Persekutuan yang dijanjikan kepada Sekolah Bantuan modal oleh Kerajaan Persekutuan akan diagihkan dalam tahun 2009.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan tanpa mengira jenis sekolah. Agenda utama Kerajaan adalah untuk membangunkan pendidikan negara secara menyeluruh; merapatkan jurang pembangunan, prasarana dan pencapaian murid; memperbaiki sekolah daif, serta memberi akses dan pendidikan yang berkualiti kepada semua murid.

Peruntukan bagi sekolah bantuan kerajaan, selain daripada dana sebanyak RM100 juta yang disediakan dalam RMKe-9, KPM juga menerima peruntukan dari pelbagai sumber untuk pembangunan sekolah-sekolah tersebut seperti melalui Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Jabatan Perdana Menteri, peruntukan khas pilihraya dan pelbagai agensi bukan kerajaan.

Di samping itu, KPM juga menyediakan Pelan Tindakan Memantapkan Sekolah Bantuan Kerajaan bagi tujuan membangunkan sekolah bantuan kerajaan. Sebagai langkah permulaan, KPM telah menyediakan Memorandum Jemaah Menteri bagi mendapatkan kelulusan mengenai pelan tindakan yang telah dirancang untuk membangunkan sekolah-sekolah tersebut. Usaha-usaha yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk memastikan tanggapan sesetengah pihak yang menyatakan kerajaan meminggirkan sekolah bantuan kerajaan adalah tidak benar.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada awal tahun 2009 ini, Kerajaan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM200 juta kepada semua kategori Sekolah Bantuan Kerajaan iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan *Mission School* di mana setiap kategori sekolah berkenaan menerima peruntukan berjumlah RM50 juta. Bantuan kewangan tersebut adalah di bawah Pakej Rangsangan Memperkukuhkan Daya Tahan Ekonomi Negara 2009 di mana peruntukan tersebut akan digunakan untuk tujuan pembaikan kecil serta pembelian harta modal (perabot sekolah).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN CHUA TEE YONG ( LABIS )**

**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009 ( KHAMIS )**

**SOALAN :**

**Y.B Tuan Chua Tee Yong Labis** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan kerenah dalam proses permohonan kebajikan dan memastikan bayaran disalurkan secepat mungkin kepada pemohon.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan kerenah birokrasi dengan membuat penambahbaikan dalam pengurusan bantuan kebajikan. Penambahbaikan ini meliputi pengurusan kerja yang berkaitan dengan proses penyiasatan permohonan bantuan hingga diberikan keputusan dan pembayaran bantuan dibuat.

Penambahbaikan yang telah dilakukan ke atas proses kerja di peringkat ini termasuklah memperkenalkan sistem e-Bantuan bagi mempercepatkan proses pendaftaran serta penyediaan laporan untuk keputusan. Proses kerja di tahap ini perlu disiapkan dalam tempoh 2 minggu. Manakala kuasa meluluskan bantuan telah diperturunkan dari Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah.

Bagi memastikan bayaran disalurkan secepat mungkin, JKM telah membuat ketetapan di mana bayaran kepada penerima bantuan dibuat pada 5 haribulan setiap bulan. Pelbagai kaedah bayaran telah dilaksanakan iaitu melalui bank atau tunai yang dibuat secara terus kepada penerima bantuan sama ada di Pejabat Kebajikan Masyarakat, di rumah atau pun di pusat-pusat bayaran bantuan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD  
GHAZALI [TITIWANGSA]**

**TARIKH : KHAMIS, 19 FEBRUARI 2009**

**RUJUKAN : 01**

**SOALAN :**

**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan pelan induk Kementerian dalam menangani masalah pengangkutan awam di Kuala Lumpur bagi mengatasi kesesakan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa, masalah lalu lintas dan penyediaan kemudahan pengangkutan awam di Kuala Lumpur bukan terletak sepenuhnya di bawah tanggungjawab Kementerian Wilayah persekutuan atau Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Ini adalah berikutan wujudnya pertindihan fungsi dan peranan antara 13 agensi berkaitan pengangkutan di Kuala Lumpur di mana agensi-agensi tersebut mempunyai perancangan dan pelan tindakan serta kepentingan dan keutamaan yang berbeza.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini masih **belum mempunyai pelan induk dalam menangani masalah pengangkutan awam di Kuala Lumpur**. Walau bagaimanapun, Kementerian Wilayah Persekutuan telah menyediakan satu pelan strategi merangkumi pelan tindakan jangkamasa pendek dan juga jangkamasa panjang untuk mengatasi kesesakan jalan raya dengan menggariskan 66 Pelan Tindakan bagi Memperkasakan Sistem Pengangkutan Awam dan Sistem Lalu Lintas di Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Cadangan Pelan Tindakan tersebut telah dipersetujui pada Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 September 2008.

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah diminta untuk mengetuai pelaksanaan bagi penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang akan bertindak sebagai agensi tunggal bagi memperkemaskan pentadbiran, memperkasakan dan meningkatkan keberkesanan sistem pengangkutan awam darat di Malaysia.

Namun, bagi menangani masalah pengangkutan awam di Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sememangnya menggalakkan sistem pengangkutan awam yang lebih mapan dan mesra alam bagi meningkatkan kualiti kehidupan bandar raya melalui Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (DPBRKL2020).

Matlamat DPBRKL2020 yang berkaitan dengan pengangkutan ialah:

- i. Menyediakan sistem pengangkutan yang komprehensif dan bersepadu bagi memenuhi keperluan perjalanan antara bandar dan dalam bandar;
- ii. Meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dan untuk mencapai sasaran pisah ragam (*modal split*) 60:40 menjelang tahun 2020;

- iii. Mengoptimalkan infrastruktur pengangkutan rel dan jalan untuk memastikan ianya beroperasi pada kapasiti yang efisien;
- iv. Memastikan keseluruhan pembangunan guna tanah diintegrasikan dengan jaringan pengangkutan awam untuk mencapai pembangunan tanah yang optimum;
- v. Memastikan semua kawasan di Kuala Lumpur menikmati perkhidmatan pengangkutan awam yang sama dan berkualiti tinggi; dan
- vi. Mewujudkan sebuah bandar raya yang mempunyai kemudahan yang tinggi untuk semua penghuni dan pengguna, khususnya, suatu sistem yang mesra pejalan kaki dan orang kurang upaya.

Cadangan DPBRKL2020 bagi memperbaiki mutu pengangkutan awam di Kuala Lumpur adalah:

## **1. Memanjangkan Liputan Rangkaian Rel**

Pada masa kini, lebih kurang 10% (2,661.55 hektar) dari keluasan kawasan Kuala Lumpur menerima perkhidmatan atau termasuk di dalam kawasan tadahan stesen transit sedia ada.

DPBRKL2020 mencadangkan rangkaian laluan rel terdiri dari sebelas (11) laluan baru dan sambungan kepada rel sedia ada. Kesemua laluan ini meningkatkan jumlah kawasan liputan dalam koridor transit menjadi sebanyak 53% (13,028.53 hektar) daripada keluasan Kuala Lumpur. Laluan ini akan memberi pengaruh yang besar terhadap pembangunan dan perancangan guna tanah di mana pembangunan yang intensif akan wujud di sepanjang koridor rel ini. Pusat daerah dan juga kawasan tumpuan pekerjaan akan menjadi pusat tumpuan transit.

Panjang keseluruhan rangkaian laluan rel bandar adalah 233.61 km yang mempunyai 184 stesen (65 stesen sedia ada dan 119 stesen baru).

## **2. Menyediakan Kemudahan *Park and Ride***

Menyediakan kemudahan *park and ride* yang disokong dengan perkhidmatan bas penghantar yang beroperasi dengan kerap. Setiap kemudahan *park and ride* perlu menyediakan tempat letak kereta dengan kapasiti minimum 250 tempat letak kereta berdasarkan kepada kawasan tadahan radius 3 km dari stesen rel.

## **3. Memberi Keutamaan Kepada Perkhidmatan Bas**

Perkhidmatan bas merupakan pengangkutan awam yang paling kos efektif. Oleh itu DPBRKL2020 juga memberikan keutamaan kepada perkhidmatan bas melalui pengkhususan sebahagian ruang jalan (*bus lane*) untuk kegunaan perkhidmatan bas yang cekap.

Paling penting, cadangan ini boleh dilaksanakan serta merta dengan mengguna pakai infrastruktur dan sumber sedia ada.

DBKL juga sedang melaksanakan Projek ***Integrated Transport Information System (ITIS)*** dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tujuan mempertingkatkan keberkesanan pengurusan segala kemudahan rangkaian jalan raya dan membantu semua pengguna jalan raya

merancangkan perjalanan mereka supaya dapat memilih laluan alternatif semasa berlaku kesesakan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua,

Masalah kesesakan lalu lintas adalah masalah berterusan disebabkan bilangan kenderaan di jalan raya semakin bertambah setiap hari. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan sentiasa berusaha untuk mengurangkan masalah ini. Pengguna-pengguna jalan raya juga perlu memainkan peranan mereka dalam usaha ini dengan mematuhi peraturan-peraturan lalu lintas dan tidak meletak kenderaan sewenang-wenangnya yang akan menghalang atau mengganggu kelancaran aliran lalu lintas.

NO-43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' RAZALI BIN HAJI IBRAHIM**  
**[MUAR]**  
**TARIKH JAWAPAN : 19 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)**  
**DI DEWAN RAKYAT**  
**SOALAN : NO. 43**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan :-

- (a) sambutan dan kejayaan perkhidmatan ke mudah alihan nombor sejak ia di umum pada tahun lalu; dan
- (b) bagaimanakah kaedah ini telah memberi manfaat seperti peningkatan kualiti perkhidmatan dan penjimatan kepada pengguna-pengguna telefon bimbit di negara kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,  
Jawapan soalan (a):

Perkhidmatan Mudahalih Nombor Selular atau *Mobile Number Portability* (MNP) telah dilancarkan ke seluruh negara pada bulan 15 Oktober 2008. Sehingga 31 Januari 2009, sejumlah 289,148 pelanggan telah menggunakan perkhidmatan MNP ini. Pelanggan-pelanggan terdiri daripada pelanggan telefon mudahalih pra-bayar dan pasca-bayar. Permohonan untuk menukar pemberi perkhidmatan boleh dibuat dengan berkunjung ke premis penyedia atau pemberi perkhidmatan mudah alih yang baru. Pengguna juga boleh mengetahui di mana lokasi terdekat pusat perkhidmatan MNP menerusi laman-laman web pemberi perkhidmatan mudah alih dan juga laman web SKMM.

Jawapan bagi soalan (b):

Salah satu daripada Matlamat Dasar Kebangsaan bagi industri komunikasi dan multimedia ialah untuk mengawalselia bagi faedah jangka panjang kepada pengguna. Dengan pelaksanaan MNP akan memberi kemudahan pengguna perkhidmatan telefon selular untuk beralih atau menukar pemberi perkhidmatan sedia ada kepada yang lain tanpa perlu menukar nombor telefon lama. Dengan adanya kemudahan ini, ia akan menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan pemberi perkhidmatan dalam menyediakan perkhidmatan

MNP. Ini akhirnya memberi faedah kepada pengguna untuk mendapatkan pakej-pakej perkhidmatan yang lebih menarik, harga yang kompetitif dan perkhidmatan yang lebih berkualiti dalam jangka masa panjang.

\*\*\*\*\*

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
(POKOK SENJA)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.02.2009

YB Dato' Haji Mahfuz bin Omar (Pokok Senja) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mengapakah selepas berlaku pengasingan Telekom Malaysia Berhad kepada TM International dan Telekom Malaysia, "*combine market capitalisation*" kedua-dua syarikat tersebut begitu rendah dibandingkan dengan apa yang dijanjikan dalam prospektus *demerger* dan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan kemajuan Telekom Malaysia memandangkan akibat *demerger*, Telekom Malaysia hanya mempunyai infrastruktur talian tetap yang umumnya "*non growth business*".

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan pengasingan syarikat Telekom Malaysia Berhad (TM) dan TM International (TMI), telah dilaksanakan semasa keadaan ekonomi berada pada tahap yang baik dan analisa yang menyeluruh dijalankan sebelum

pengasingan dibuat. Pengasingan kedua-dua syarikat ini juga bertujuan untuk mempercepatkan peningkatan operasi dan pertumbuhan melalui fokus organisasi dan strategik yang lebih jelas dan seterusnya meningkatkan nilai pemegang saham.

2. Pengasingan ini akan meneruskan kejayaan TM dan TMI melalui pengwujudan dua syarikat yang disenaraikan, di mana kedua-duanya berpotensi untuk menikmati status sebagai antara syarikat yang mempunyai permodalan pasaran terbesar di Bursa Malaysia, iaitu TMI akan muncul sebagai peneraju mudah alih serantau yang beroperasi di lebih 10 buah negara dan mengukuhkan kedudukannya di Asia sementara TM akan memfokuskan kepada pertumbuhan pasaran jalur lebar domestik.

3. Pengasingan ini juga akan memberikan setiap entiti yang beroperasi di dalam dua bidang perniagaan berbeza, peluang yang lebih baik dan inisiatif pengurusan modal yang lebih khusus. Ini akan membolehkan setiap syarikat merangka struktur modal yang optimum melalui tahap penggearan (*gearing level*) yang berbeza serta membolehkan proses peruntukan kewangan untuk perbelanjaan modal yang lebih efektif. Setiap entiti juga akan mampu melaksanakan polisi dividen dan strategi hubungan pelabur yang spesifik.

4. Memandangkan kepada keadaan ekonomi semasa yang tidak menentu, terdapat pengurangan yang ketara di dalam pasaran modal bagi syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Pada tahun 2008 sahaja, jumlah pasaran modal telah menguncup kepada RM640 bilion daripada RM1,070 bilion. Pengurangan yang besar sebanyak 40% ini telah memberikan kesan terhadap hampir

seluruh syarikat yang disenaraikan di Bursa termasuk TM. Sewaktu pengasingan kedua-dua syarikat sebagaimana yang telah diluluskan oleh para pemegang saham, ianya tidak memberikan sebarang janji atau jaminan bahawa kedua-dua syarikat ini akan meningkatkan nilai pasaran dalam jangka pendek memandangkan ianya banyak bergantung kepada faktor ekonomi dan kuasa pasaran.

5. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 September 2008, pelanggan bagi perkhidmatan talian tetap TM kekal pada jumlah 4.3 juta dan bilangan pelanggan jalurlebar pula meningkat kepada 1.5 juta. Walaupun kadar penembusan ini rendah, ianya adalah sejajar dengan kadar penembusan kebangsaan (17.5% per 100 isirumah: sumber laman web SKMM Sept. 2008). Sungguhpun terdapat pelbagai pilihan perkhidmatan jalurlebar, dengan pemantapan perkhidmatan oleh TM, ianya akan terus menerajui pasaran jalurlebar. Ini adalah satu indikator daya ketahanan TM sebagai pembekal perkhidmatan talian tetap. Penumpuan terhadap perkhidmatan jalurlebar serta perkhidmatan yang berkaitan seperti *'managed network services'*, *'business process outsourcing'* serta *'value added applications'* akan terus memberi TM keupayaan untuk terus berkembang dan menerajui pasaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATO' SHAMSUL ANUAR  
BIN NASARAH ( LENGGONG )**

**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009 ( KHAMIS )**

**SOALAN :**

**Y.B Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah ( Lenggong )** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian bercadang menyusun semula sistem pemberian bantuan yang disalurkan kepada penerima di seluruh negara dan memandangkan keadaan ekonomi semasa terutama kenaikan kos sara hidup serta barangan, apakah Kementerian bersedia menyemak semula kadar bantuan yang diberikan kepada penerima sekarang.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyusun semula sistem pemberian bantuan selaras dengan perkembangan semasa dan memenuhi hasrat Kerajaan masa kini yang memberi tumpuan kepada sistem penyampaian perkhidmatan yang cepat, cekap dan berkesan. Penambahbaikan ini meliputi pengurusan kerja yang berkaitan dengan proses penyiasatan permohonan bantuan hingga diberikan keputusan dan pembayaran bantuan dibuat

Penambahbaikan yang telah dilakukan ke atas proses kerja termasuklah memperkenalkan sistem e-Bantuan bagi mempercepatkan proses pendaftaran serta penyediaan laporan untuk keputusan. Proses kerja di tahap ini perlu disiapkan dalam tempoh 2 minggu. Manakala kuasa meluluskan bantuan juga telah

diperturunkan dari Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah.

Memandangkan peningkatan kos sara hidup yang kian meningkat pada masa kini, JKM telah juga menyemak semula kadar skim bantuan kewangan sedia ada dan diluluskan dalam Bajet 2008 iaitu seperti berikut:

- i Elaun Pekerja Cacat (EPC) - Kenaikan kadar dari RM 200 sebulan ke RM 300
- ii Bantuan Orang Tua (BOT) - Kenaikan kadar dari RM 200 sebulan ke RM 300

Selain itu, melalui Bajet 2009, Jaringan Keselamatan Sosial bagi bantuan kebajikan diperluaskan di mana kadar kelayakan pendapatan isi rumah telah dinaikkan daripada RM400 kepada RM720 bagi Semenanjung Malaysia, RM960 bagi Negeri Sabah dan RM830 bagi Negeri Sarawak iaitu mengikut Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa. Satu skim baru iaitu Bantuan OKU yang tidak Berupaya Bekerja dengan kadar RM150 sebulan seorang juga telah diwujudkan.

NW: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN CHARLES ANTHONY A/L  
R. SANTIAGO  
[ KLANG]**

**TARIKH JAWAPAN : 19 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN : NO. 46**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan kriteria yang digunakan oleh Jabatan Audit Negara untuk menilai (evaluate) prestasi SYABAS supaya dapat tarif air sebanyak 30 peratus. Adakah Kementerian akan "declassify" audit berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS) telah memohon semakan tarif air untuk tempoh Operasi Ketiga yang dijadualkan berkuat kuasa mulai pada 1 Januari 2009 sehingga 31 Disember

2011. Permohonan oleh SYABAS ini adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam Perjanjian Konsesinya.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) adalah badan kawal selia yang dipertanggungjawabkan untuk menimbang permohonan SYABAS tersebut. Dalam menimbang permohonan ini, salah satu tindakan yang perlu diambil berdasarkan Perjanjian Konsesi SYABAS ialah pengauditan ke atas beberapa parameter perkhidmatan dalam bentuk *key performance indicators* (KPI) yang telah ditetapkan di dalam Perjanjian tersebut.

Untuk tujuan tersebut, Kerajaan telah melantik Jabatan Audit Negara melaksanakan pengauditan bagi menentukan asas perkiraan bagi kenaikan tarif yang dipohon oleh SYABAS. Parameter tersebut merangkumi antaranya komponen-komponen berikut:

- (i) **Jumlah hasil (*Revenue*)** bagi tempoh 1 Januari 2005 hingga 31 Disember 2007;
- (ii) **Jumlah Bil (*Billings*)** bagi tempoh 1 Januari 2005 hingga 31 Disember 2007;
- (iii) **Perbelanjaan Modal (*CAPEX*)** bagi tempoh 1 Januari 2005 hingga 31 Disember 2007);

- (iv) **Pembelian Air Pukal (*Bulk Supply*)** bagi tempoh 1 Januari 2005 hingga 31 Disember 2007);
- (v) **Pengurangan Kadar NRW** yang diukur pada 30 September 2008); dan
- (vi) **Kos Pengagihan (*Distribution Cost*)** bagi tempoh 1 Januari 2005 hingga 31 Disember 2007).

Jabatan Audit Negara telah selesai menjalankan proses pengauditan ke atas komponen-komponen tersebut dan telah dibentangkan kepada Kementerian, SPAN dan Kerajaan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menangguhkan dahulu keputusan permohonan semakan tarif air SYABAS bagi membolehkan penstrukturan semula bekalan air di Negeri Selangor yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dimuktamadkan.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung dengan perkara *declassify* laporan audit ini, selari dengan matlamat supaya pengurusan air secara umumnya ditadbirkan secara telus, Kerajaan melalui SPAN sememangnya berhasrat untuk

mendapatkan pandangan daripada pengguna termasuk perkara-perkara berhubung dengan kenaikan tarif air. Sehubungan itu, melalui Seksyen 69 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655), satu instrumen yang dikenali sebagai Forum Air telah diwujudkan. Melalui Forum Air, Kerajaan dan SPAN bersedia mendedahkan hasil penemuan beberapa komponen daripada parameter yang tersebut yang secara langsung berkaitan dengan kepentingan pengguna. Melalui Forum Air ini, pengguna akan diberikan peluang untuk mengemukakan pandangan dan maklum balas berhubung perkara tersebut dan mengemukakan cadangan balas kepada SPAN dan Kerajaan bagi meningkatkan lagi perkhidmatan air di satu-satu negeri.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur  
Bin Haji Salleh [ Kalabakan ]**

**TARIKH : 19 Februari 2009 (Khamis)**

**SOALAN :**

**Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [ Kalabakan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa banyak pemilik dan pemandu kenderaan yang bercermin gelap yang sudah ditangkap dan diambil tindakan.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sepanjang tahun 2007 dan 2008, sebanyak 3,261 pemandu dan pemilik kenderaan telah dikenakan tindakan atas kesalahan menggunakan kaca gelap tanpa kelulusan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan iaitu masing-masing sebanyak 2,280 pada tahun 2007 dan sebanyak 981 pada tahun 2008.

Di bawah Kaedah 5 Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Larangan Mengenai Jenis-Jenis Kaca Tertentu) 1991, kadar ketelusan cahaya menerusi kaca hadapan kenderaan (*windscreen*) hendaklah sekurang-kurangnya 70%. Manakala kadar ketelusan cahaya menerusi kaca di lain-lain bahagian kenderaan hendaklah sekurang-kurangnya 50%. Mana-mana orang yang gagal mematuhi kadar ketelusan ini adalah melakukan satu kesalahan dan boleh dikenakan kompaun maksima RM300.00 dan kenderaan akan disenaraihitam sehinggalah mereka mematuhi peraturan tersebut.

NO SOALAN:

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN****TARIKH : KHAMIS, 19 FEBRUARI 2009****SOALAN:**

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) adakah Kerajaan menyedari bahawa Perlembagaan Persekutuan amnya dan Artikel 4 khususnya-meletakkan hukum Allah tertakluk kepada Perlembagaan dan boleh menjadikan ia syirik kepada Allah; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang meminda Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dengan mengecualikan undang-undang dan syariat Islam daripada terikat kepada Artikel 4.

**JAWAPAN:      Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

(a) Menurut Perkara 4 (1) Perlembagaan Persekutuan, Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang utama Persekutuan dan mana-mana undang-undang yang diluluskan selepas Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan ini adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu.

Berdasarkan Perkara 4 (1) tersebut, dapat difahami bahawa ia menyentuh undang-undang bertulis sahaja, iaitu undang-undang yang diluluskan oleh sesuatu Badan Perundangan. Perlembagaan Persekutuan tidak boleh menyentuh kesahihan hukum-hukum Allah, yang bukan merupakan undang-undang bertulis dan tidak diluluskan selepas Merdeka.

Oleh yang demikian, adalah jelas bahawa undang-undang yang boleh dibatalkan – jika ia tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan – adalah undang-undang yang diluluskan selepas Merdeka sahaja. Memandangkan hukum-hukum Allah bersifat azali, justeru ia tidak tertakluk kepada Perkara 4 (1) itu.

(b) Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan kerana peruntukan yang terdapat sekarang adalah memadai.

Sekian, terima kasih.

NW: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN HJ ABD RAHMAN BAKRI  
[ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH JAWAPAN : 19 FEBRUARI 2009 (SELASA)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN : NO. 49**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai rancangan untuk memberi kemudahan tambahan dalam menyediakan lebih banyak telefon awam kepada orang ramai khususnya di kawasan luar bandar dan daerah Sabak Bernam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,  
Pihak Telekom Malaysia (TM) tidak lagi memberikan perkhidmatan telefon awam setelah perniagaan ini diambil alih oleh Perneq Corporation Berhad pada tahun 2007. Walau bagaimanapun, TM telah pun memasang sejumlah 55 buah telefon awam menerusi dana Pemberian Perkhidmatan Sejangat (PPS) atau Tabung USP (Universal

Service Provision) yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di daerah Sabak Bernam.

Penambahan perkhidmatan telefon awam di bawah projek PPS akan diteruskan dari masa ke semasa mengikut kajian keperluan dan ketentuan yang dibuat oleh SKMM.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WEE CHOO KEONG [ WANGSA MAJU ]**

**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009 (Khamis)**

**SOALAN :**

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah 30 orang Hakim Mahkamah Sesyen hanya dinaik pangkat kepada Gred Khas C manakala Timbalan Pendakwa Raya yang tempoh perkhidmatan lebih singkat telah dinaikkan ke Gred Utama C dengan gaji dan elaun yang lebih tinggi dan adakah hakim ini didiskriminasi supaya mereka akan akur kepada Kerajaan.

**JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Penyandang jawatan Gred Utama dalam sektor awam melaksanakan tugas hakikinya dan pada masa yang sama melaksanakan tugas-tugas pengawasan sebagai Ketua Jabatan. Manakala Gred Khas melaksanakan tugas-tugas hakiki berdasarkan kepakaran.**

**Dari segi kemajuan kerjaya, tiada diskriminasi yang wujud kerana penyandang-penyandang kedua-dua jawatan ini (Hakim Mahkamah Sesyen dan Timbalan Pendakwa Raya) berada dalam skim perkhidmatan yang sama iaitu Perkhidmatan Pegawai Undang-Undang dan terletak di bawah ketua perkhidmatan yang sama iaitu Peguam Negara. Ini bermakna Hakim Mahkamah Sesyen berpeluang juga dinaikkan pangkat ke mana-mana jawatan utama di Jabatan Peguam Negara berdasarkan merit seperti Timbalan Pendakwa Raya.**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK BAHARUM BIN MOHAMED [SEKIJANG]**

**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009**

**SOALAN :**

**Datuk Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah perkembangan program mengatasi banjir di daerah Segamat khususnya dalam Kawasan Parlimen Sekijang sehingga kini.**

## JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan enam (6) projek tebatan banjir bagi mengatasi masalah banjir di daerah Segamat. Daripada enam (6) projek ini, dua (2) projek sedang dilaksanakan di kawasan Parlimen Sekijang iaitu:

- i. Kerja-kerja membuang kelodak dan mendalamkan Sungai Juasseh dan;
- ii. Kerja-kerja membuang kelodak dan mendalamkan Sungai Kapeh.

Buat masa sekarang, kemajuan pelaksanaan projek Sungai Juasseh adalah 90.0% sementara bagi projek Sungai Kapeh, kemajuan pelaksanaan adalah 5.0%.

Di samping itu, JPS juga sedang melaksanakan Rekabentuk Terperinci Lembangan Sungai Muar - Fasa I bagi mengenalpasti kaedah pencegahan yang bersesuaian bagi mengatasi masalah banjir jangka panjang yang meliputi Daerah Segamat dan Daerah Muar serta kawasan-kawasan sekitarnya. Adalah dijangkakan rekabentuk ini akan siap pada pertengahan tahun 2009.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' ZAHRAIN MOHAMED HASHIM**  
**(BAYAN BARU)**  
**TARIKH : 19.02.2009**

**Y.B. DATO' ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [ BAYAN BARU ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang membenarkan kanak-kanak kurang upaya belajar bersama-sama dengan murid normal sebagaimana yang dilakukan di sesetengah negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sememangnya membenarkan kanak-kanak kurang upaya atau murid-murid berkeperluan khas belajar bersama-sama dengan murid-murid normal dalam sistem pendidikan negara ini. Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997 dan deklarasi antarabangsa telah mewartakan supaya pendidikan khas secara integrasi-inklusif untuk kanak-kanak berkeperluan khas diperluaskan lagi pelaksanaannya di Malaysia.

Lanjutan daripada itu, konsep pendidikan khas Bermasalah Pembelajaran berbentuk Program Integrasi dimulakan pada 1 Januari 1998. Hasilnya lebih banyak Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Integrasi atau program pencantuman telah dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah, menengah dan teknik atau vokasional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM menggunakan pendekatan Integrasi-Inklusif. Dalam **Program Integrasi** murid berkeperluan khas ditempatkan dalam kelas khas di sekolah aliran perdana dan mendapat pembelajaran mengikut kurikulum yang disediakan oleh Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia. **Program Inklusif** pula merujuk kepada proses di mana murid berkeperluan khas dicantumkan ke dalam kelas biasa yang dikendalikan oleh guru biasa dan mengikut kurikulum yang tiada bezanya seperti yang diikuti oleh murid-murid biasa. Dengan kata lain, murid berkeperluan khas ditempatkan ke dalam aliran perdana untuk mendapat pendidikan yang setara.

Selain itu, murid-murid berkeperluan khas yang ditempatkan di bawah program ini berpeluang menggunakan kemudahan atau prasarana yang sedia ada untuk murid-murid biasa seperti padang permainan, perpustakaan, bilik komputer dan lain-lain lagi. Mereka juga berpeluang bergaul dengan murid-murid sekolah yang pelbagai kaum dan agama.

Sehingga Disember 2008, jumlah Program Integrasi di Malaysia di sekolah rendah adalah sebanyak 1,060 program atau 3,124 kelas dengan jumlah murid seramai 18,439. Di sekolah menengah pula terdapat sebanyak 471 program atau 1,768 kelas dengan jumlah murid seramai 10,968 orang.

Secara keseluruhannya, berdasarkan **Laporan Kajian Keberkesanan Program Pendidikan Khas Integrasi-Inklusif di Malaysia (USM)** pada tahun 2007 menunjukkan bahawa Program Pendidikan Khas Integrasi ini telah banyak membawa faedah kepada murid-murid berkeperluan khas dari segi **pencapaian akademik** dan **perkembangan sosial**. Pada masa yang sama, program ini juga membawa manfaat kepada pelajar biasa dan dapat memupuk sikap hormat-menghormati dan kasih sayang terhadap murid-murid berkeperluan khas.

NO: 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA**  
**( PARIT )**  
**TARIKH : 19. 02. 2009**  
**NO. SOALAN : 53**

**TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT)** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan yang telah diambil untuk memastikan harga barangan pengguna yang telah naik akan dapat diturunkan segera selepas harga minyak turun mendadak memandangkan ianya langsung tidak diendahkan oleh ramai peniaga yang hanya mahu mengaut keuntungan yang lebih besar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan agar pengguna mendapatkan bekalan barang keperluan dengan harga yang berpatutan, bukan sahaja di bandar, malah juga di luar bandar. Sehubungan dengan itu, Kementerian ini telah melaksanakan beberapa langkah iaitu dengan pelaksanaan sistem subsidi. Sebagai contoh, pemberian subsidi bagi sektor pengangkutan agar

kos pengangkutan dapat dikawal dan penurunan harga petrol dan diesel secara berperingkat serta pemberian subsidi kepada barang-barang perlu.

Kementerian turut menganjurkan Kempen Penurunan Harga yang bertujuan memastikan harga barangan keperluan di pasaran diturunkan dan barangan tersebut dijual pada harga yang berpatutan. Kempen Penurunan Harga telah dimulakan pada 24 Oktober 2008 di peringkat runcit terutamanya bagi sektor peruncitan moden seperti pasaraya besar asing dan tempatan. Contohnya; Giant, Tesco, Mydin, Carrefour, Jusco dan The Store, kedai runcit yang mempunyai jaringan seperti UO Superstore, Sunshine, Econsave, 99 Speedmart, Tunas Manja, TF Value dan sebagainya. Produk yang terlibat di dalam kempen ini ialah terdiri daripada pelbagai barangan terutama barangan keperluan harian pengguna.

Kempen Penurunan Harga ini adalah satu inisiatif Kementerian yang dijalankan secara berterusan bagi menjamin semua rakyat, sama ada di bandar mahupun di desa mendapat faedah dan manfaat dari penjimatan yang ditawarkan. Adalah menjadi harapan Kementerian agar lebih banyak pihak, terutamanya pihak pembekal bahan mentah dan pengeluar produk akan tampil untuk memberi kerjasama dan komitmen bagi menjayakan usaha Kementerian ini.

Langkah selanjutnya pula adalah dengan pelaksanaan Projek Perintis Bagi Pengedaran Barang-Barang Perlu iaitu dengan pemberian subsidi pengangkutan ke kawasan luar bandar. Kementerian telah menjalankan 2 projek di Semenanjung dan ketika ini 3 projek sedang dijalankan di Sabah dan Sarawak. Projek ini akan dipanjangkan ke kawasan luar bandar dan pedalaman diseluruh negara.

Kerajaan juga telah memberi subsidi terhadap barangan perlu seperti tepung gandum kegunaan am (GP), roti putih dan gula bagi memastikan tiada peningkatan harga bagi barangan tersebut akibat perubahan harga komoditi dunia dan secara tidak langsung mengurangkan tekanan kos ke atas barangan lain yang berhubung kait dengan barangan tersebut.

Selain itu, pemantauan harga barangan keperluan di hypermarket, pasaraya dan pasar-pasar basah di seluruh Negara yang dikenali sebagai "*Price Watch*" juga dijalankan. "*Price Watch*" dilaksanakan bagi memberi maklumat kepada pengguna membuat perbandingan harga ketika berbelanja. Hasil pemantauan yang dijalankan oleh pegawai pemantau harga (PPH) boleh dirujuk di laman web Kementerian bagi membuat semakan harga pada setiap hari bagi kemudahan orang ramai. Pengguna boleh memilih mana-mana premis yang mengenakan harga yang berpatutan apabila ingin berbelanja. Ini akan menyebabkan berlaku persaingan harga di antara pasaraya-pasaraya besar di seluruh negara bagi tujuan menarik pengguna berbelanja di pasaraya masing-masing.

Kementerian juga sentiasa melaksanakan program-program untuk meningkatkan kesedaran pengguna terhadap hak dan tanggungjawab pengguna untuk memilih dan membeli barang yang berkualiti pada harga yang berpatutan. Program ini dijalankan sepanjang tahun dengan kerjasama sekolah-sekolah, IPTA/IPTS dan NGO's

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
TAHUN 2009**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L  
SUNDARAM  
(KAPAR)**

**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009**

**SOALAN :**

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan jumlah peruntukan oleh Kementerian bagi kawasan Parlimen Kapar untuk tahun 2008/2009. Daripada jumlah itu berapakah peruntukan daripada pakej ransangan ekonomi 2008 yang diumumkan oleh Menteri Kewangan. Senaraikan projek-projek yang telah dan akan dilaksanakan mengikut kos dan lokasi.

**JAWAPAN :**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2008, sebanyak lima (5) Projek Jalan Kampung (PJK) di bawah Peruntukan Kawasan Parlimen telah dilaksanakan dengan perbelanjaan sebenar sebanyak RM141,808.

Bagi tahun 2009 pula, di bawah Peruntukan Kawasan Parlimen, kawasan Parlimen Kapar diperuntukkan sebanyak RM180,000.

Pada tahun 2009 ini juga, di bawah Peruntukan Pakej Ransangan, Kementerian telah memutuskan bahawa peruntukan sebanyak RM850,000 diperuntukkan untuk Daerah Klang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak dua (2) projek dengan kos berjumlah RM400,000 di Kawasan Parlimen Kapar dijangka akan dapat dilaksanakan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN**  
**(HULU TERENGGANU)**  
**TARIKH : 19.02.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [ HULU TERENGGANU ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah bagi mengatasi masalah yang mana bilangan pelajar Melayu yang memasuki Tingkatan 6 Sains Tulen setiap tahun, semakin berkurangan dan ramai daripadanya bertukar ke aliran sastera.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk membangunkan modal insan seperti yang terkandung dalam Misi Nasional dan usaha tersebut juga telah diperkukuhkan dengan dasar Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menerusi **Teras Kedua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010** iaitu membangunkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran serta menghayati nilai-nilai murni. KPM sentiasa berusaha membangunkan modal insan bagi murid di peringkat lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seperti menyediakan peluang pendidikan di Matrikulasi dan juga pengajian di Tingkatan Enam.

Selaras dengan kematangan murid Tingkatan Enam yang merupakan *adult learners*, kurikulum Tingkatan Enam perlu mengambilkira aspek pengembangan Kemahiran Kognitif Aras Tinggi (KAT) atau *Higher Order Thinking Skills* iaitu

aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Justeru, pendekatan pedagogi guru dan gaya pembelajaran murid Tingkatan Enam haruslah mencerminkan budaya pembelajaran di universiti. Di samping itu, peranan guru harus diubah daripada *dispenser of knowledge* kepada *facilitator and promoter of knowledge* bersesuaian dengan pemupukan *self-directed learning* dalam kalangan murid Tingkatan Enam. Pendekatan pengajaran pula dilaksanakan dalam bentuk kuliah, tutorial, bengkel dan seminar bagi memperlihatkan kerelevanan proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat pendidikan menengah atas ini.

Pemilihan ke aliran yang ditawarkan kepada murid Tingkatan 6 adalah berdasarkan kepada pencapaian dalam SPM. Sehubungan itu, selain daripada melanjutkan pelajaran ke Tingkatan 6, lepasan SPM ini juga boleh memilih untuk mengikuti pengajian di universiti, kolej matrikulasi dan juga kolej-kolej swasta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]**

**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009 (Khamis)**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang dibelanjakan dalam setiap pilihan raya kecil termasuk Permatang Pauh dan Kuala Terengganu, apakah janji-janji pilihan raya yang telah ditunaikan dan belum ditunaikan lagi oleh Kerajaan.

**JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Sebanyak RM7,027,000.00 telah dibelanja untuk melaksanakan pelbagai projek kecil meliputi projek fizikal, perbekalan/perkhidmatan, program dan sumbangan kewangan pada tahun 2008 di kawasan Parlimen Permatang Pauh. Manakala di kawasan Parlimen Kuala Terengganu nilai projek yang diluluskan untuk tahun 2009 sehingga kini**

**ialah sebanyak RM18,935,000.00 iaitu melibatkan Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS). Projek ini telah dirancang pelaksanaannya sejak akhir tahun 2008 lagi dan dijangka siap sepenuhnya selewat-lewatnya akhir tahun 2009.**

NW: 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN LIM LIP ENG  
[ SEGAMBUT ]**

**TARIKH JAWAPAN : 19 FEBRUARI 2009  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN : NO. 57**

**SOALAN**

Puan Hajah Fuziah binti Salleh minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bilakah akan diumumkan kepada awam kandungan isi perjanjian dengan pelbagai penjana tenaga bebas (IPP) demi kepentingan rakyat memandangkan 45 peratus kos TNB adalah bayaran kepada IPP dan ia juga adalah sebab utama harga elektrik tidak boleh diturunkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,  
Dokumen Perjanjian Jual Beli Tenaga (PPA) merupakan satu dokumen perjanjian antara dua entiti swasta, iaitu di antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pihak penjana bebas (IPP) yang terbabit. Di bawah perjanjian tersebut, kedua-dua pihak perlu memberikan

persetujuan terlebih dahulu sebelum mana-mana kandungan perjanjian tersebut boleh diumumkan.

Justeru itu, Kerajaan tidak mempunyai sebarang cadangan untuk mengumumkan kandungan yang terdapat di dalam PPA tersebut. Walaupun demikian, Kerajaan sentiasa prihatin dan akan sentiasa berusaha untuk memastikan industri bekalan elektrik negara ini kekal mapan dengan harga elektrik yang berpatutan dengan mengambil kira kos bahan api serta kos operasi yang diperlukan.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan dengan mengambil kira suasana ekonomi dan penurunan harga bahan api penjana telah mengumumkan penurunan purata kadar tarif elektrik sebanyak 3.7 peratus mulai 1 Mac 2009. Penurunan ini diharap dapat memberi manfaat kepada rakyat yang terdiri daripada pengguna domestik, peniaga kecil sehingga industri besar untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Selain daripada itu, bagi membantu golongan berpendapatan rendah pula, Kerajaan telah mengumumkan dalam bajet tahun 2009 supaya supaya isi rumah yang membayar bil elektrik RM20 dan ke bawah tidak perlu membayar bil elektrik berkuat kuasa 1 Oktober 2008 sehingga akhir 2009. Di samping itu, Kerajaan juga telah menetapkan supaya *life-line band* bagi pengguna-pengguna domestik yang menggunakan elektrik sebanyak 200 kWj ke bawah setiap bulan dikekalkan pada tarif sedia ada iaitu 21.8 sen/kWj seperti yang telah dinikmati sejak tahun 1998. Sebagai makluman, sebanyak 55% atau sejumlah 3,118,195 daripada jumlah keseluruhan pengguna domestik yang berjumlah 5,669,446 pada masa ini adalah termasuk di dalam kategori *life-line band* tersebut.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BIN ABBAS  
(TELOK KEMANG)**

**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009  
(KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-**

- (a) Nilai kontrak pembelian 18 pesawat SU-30 dari Rusia beberapa tahun lalu yang mana 12 telah diterima pada 2007; dan**
- (b) Kenapa alat gantinya dibeli dari negeri China**

*SULIT*

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, nilai kontrak pembelian 18 pesawat SU-30MKM dari Russia adalah berjumlah USD900.693 juta bersamaan dengan RM3.4 bilion.**

**Pada ketika ini Kerajaan Malaysia belum mewujudkan sebarang kontrak bagi perolehan alat ganti pesawat SU-30MKM dengan Negara China. Perolehan alat ganti yang ada pada ketika ini adalah diperolehi secara terus daripada pihak Russia bersama-sama pakej perolehan pesawat tersebut yang memperuntukkan '*Initial Spares Requirement*' (ISR) untuk keperluan selama dua (2) tahun.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
[PETALING JAYA UTARA]

TARIKH : 19 FEBRUARI 2009

SOALAN :

MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN APAKAH BAYARAN YANG DIKENAKAN JIKALAU KERAJAAN MENGAMBIL ALIH LEBUH RAYA DAMANSARA-PUCHONG (LDP) MENGIKUT TERMA *EXPROPRIATION* DALAM PERJANJIAN KONSESI. ADAKAH IANYA LEBIH WAJAR UNTUK MENG*EXPROPRIATION* LDP, ATAUPUN MEMBAYAR WANG GANTI RUGI RM 75 JUTA SETIAP TAHUN KEPADA PIHAK KONSESI DITERUSKAN SEHINGGA KONSESI TAMAT.

**JAWAPAN :**

**TUAN YANG DIPERTUA,**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, SEKIRANYA KERAJAAN BERCADANG UNTUK MENGAMBILALIH (EXPROPRIATION) SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI, SECARA AMNYA BAYARAN PAMPASAN YANG PERLU DIBAYAR KEPADA SYARIKAT KONSESI TERLIBAT TERDIRI DARIPADA ELEMEN-ELEMEN BERIKUT SEPERTI JUMLAH PINJAMAN YANG DITANGGUNG KONSESI, FAEDAH YANG DIKENAKAN OLEH BANK KEPADA KONSESI, KOS REKABENTUK YANG TELAH DILAKSANAKAN, JUMLAH NILAI KERJA-KERJA PEMBINAAN YANG TELAH DILAKSANAKAN DAN JUMLAH PELABURAN TAMBAHAN YANG TELAH DIKELUARKAN OLEH SYARIKAT KONSESI SEPERTI YANG TELAH DIPERSETUJUI OLEH KERAJAAN.**

**PADA MASA KINI KERAJAAN TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG HASRAT UNTUK MENG-EXPROPRIATE SEBARANG LEBUHRAYA KERANA IANYA MELIBATKAN KOS YANG TINGGI KEPADA KERAJAAN. DISAMPING ITU, SEBELUM APA-APA KEPUTUSAN DIAMBIL OLEH KERAJAAN, BEBERAPA FAKTOR PERLU DIAMBIL KIRA SEPERTI BERIKUT:**

- I. PENGAMBILALIHAN SESUATU PROJEK LEBUHRAYA KONSESI DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN WANG KERAJAAN AKAN MENJEJASKAN JUMLAH WANG YANG TELAH DIPERUNTUKKAN BAGI PEMBANGUNAN LAIN SEPERTI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR JALAN RAYA, TERUTAMANYA DI NEGERI SABAH DAN SARAWAK. DI SAMPING ITU JUGA, PEMBANGUNAN PROJEK INFRASTRUKTUR AKAN MERANGSANG DAN MENJANA EKONOMI NEGARA/NEGERI DAN JUGA MEWUJUDKAN LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN.**

II. KONSEP PEMBINAAN LEBUHRAYA ADALAH BERKONSEPKAN 'USER PAY' DI MANA PENGGUNA YANG MENGGUNAKAN KEMUDAHAN SAHAJA YANG PERLU MENGELUARKAN BAYARAN. ADALAH TIDAK ADIL KOS PEMBINAAN DAN PENYENGGARAAN LEBUHRAYA DIBIAYAI DARIPADA PERUNTUKAN DARIPADA KERAJAAN YANG SEBENARNYA MERUPAKAN WANG RAKYAT YANG TIDAK SEMESTINYA MENGGUNAKAN SESUATU KEMUDAHAN LEBUH RAYA TERSEBUT.

III. KERAJAAN MEMPERKENALKAN KONSEP PENSWASTAAN BAGI MELIBATKAN PIHAK SWASTA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA. SEKIRANYA KERAJAAN MENGAMBIL ALIH LEBUH RAYA, IANYA AKAN MELANGGAR SEMANGAT PENSWASTAAN. PERKARA SEBEGINI AKAN MEMBURUKKAN IMEJ KERAJAAN DI MATA PELABUR-PELABUR.

**IV. WALAUPUN KERAJAAN MENGAMBIL ALIH KONSESI LEBUHRAYA, KUTIPAN TOL MASIH DIPERLUKAN BAGI MEMBIAYAI KOS PENYENGGARAAN DAN OPERASI LEBUH RAYA YANG TINGGI.**

**UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT JUGA, KERAJAAN TELAH MEMBAYAR RM75 JUTA MASING-MASING BAGI TAHUN 2007 DAN 2008 AKIBAT PENYUSUNAN SEMULA KADAR TOL LDP. KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBAYAR RM75 JUTA SETIAP TAHUN SEPERTI MANA YANG DIBANGKITKAN OLEH YANG BERHORMAT. SEPERTI YANG DINYATAKAN DALAM PERJANJIAN KONSESI, KERAJAAN HANYA MEMBAYAR PAMPASAN SEKIRANYA KERAJAAN TIDAK MEMBENARKAN KENAIKAN KADAR TOL SEPERTI DI DALAM PERJANJIAN KONSESI ATAU MELAKSANAKAN PENYUSUNAN SEMULA KADAR TOL. KERAJAAN TIADA SEBARANG PERKARA UNTUK DILINDUNGI DAN PERKARA INI DIBUKTIKAN DENGAN KESEDIAAN KERAJAAN UNTUK**

**MENDEKLASIFIKASIKAN PERJANJIAN KONSESI  
LEBUHRAYA.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN**  
**[ PENDANG ]**  
**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009**  
**SOALAN :**

**Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah rampasan barangan makanan yang telah dirampas sepanjang tahun lalu kerana melanggar akta makanan dan apakah jenis pelanggaran tersebut, seperti melamin, formalin dan trans fat.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada tahun 2008, Kementerian Kesihatan telah melakukan sebanyak 94,972 rampasan bernilai RM10,849,253.68 terhadap makanan yang didapati melanggar peruntukan-peruntukan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Pelanggaran ini meliputi kesalahan pada perlabelan, bahan pengawet, bahan pewarna, bahan perisa, bahan antipengoksida,

pembungkusan, cemaran logam, mikroorganisma dan toksinnya, residu racun perosak, bahan pemanis tanpa zat, bahan pemanis, standard dan pelbagai.

**JAWAPAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**  
**MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI  
HAJI SHUKRI ( BATANG SADONG )**

**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN : 61**

**Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI minta**  
**MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN**  
**WARISAN menyatakan apakah indikator yang digunakan**  
**oleh Kementerian untuk mengukur kejayaan program**  
**seminar perpaduan anjuran Kementerian.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang DiPertua,**

**Dalam tahun 2007, Kementerian melalui agensinya**  
**JPNIN telah mengadakan empat seminar, antaranya**  
**ialah seminar berkaitan dengan Jati Diri dan Patriotisme**

yang telah diadakan di Miri, Sarawak. Seramai 215 orang peserta yang terdiri daripada 41% pelajar sekolah, 41% guru pelatih, 9% pelajar IPTA, 8% kumpulan yang telah bekerja dan 1% kakitangan jabatan telah menyertainya. Objektif seminar ini adalah untuk menyemarakkan semangat perpaduan, integrasi nasional dan patriotisme di kalangan rakyat Malaysia. Kaedah indikator yang digunakan menjurus kepada pencapaian objektif seminar tersebut.

Antara aspek-aspek yang diukur adalah berkaitan dengan sejauh manakah tahap kefahaman, kesedaran dan penghayatan peserta-peserta sebelum dan selepas menghadiri sesuatu seminar itu. Penilaian dibuat melalui kaedah mengedarkan borang-borang penilaian yang mempunyai soalselidik dan kaedah menemuduga peserta-peserta. Penilaian ini dijalankan di akhir seminar.

**Berpandukan beberapa penilaian yang telah dijalankan, pihak Kementerian mendapati bahawa lebih dari 80% peserta menyatakan bahawa tahap kefahaman, kesedaran mereka meningkat berbanding sebelum menghadiri sesuatu seminar. Malahan mereka amat komited untuk menghayati dan mengamalkan apa jua pengetahuan yang diperolehi dari sesuatu seminar itu didalam kehidupan seharian mereka. Di samping itu purata peserta mencadangkan supaya diadakan seminar dengan kerapnya dan diadakan secara berterusan supaya kumpulan yang lebih besar boleh memperolehi manfaat darinya.**

**Oleh hal yang demikian KPKKW akan menggunakan kaedah penilaian yang sama bagi menentukan kejayaan sesuatu seminar yang dianjurkan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]**

**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009 (Khamis)**

**SOALAN :**

Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan objektif asal pembinaan, kos pembinaan, kos penyelenggaraan dan sewaan tahunan dibayar kepada Putrajaya Holding untuk *Millennium Monument*, Astaka Morocco, Bangunan Perdana Putra dan Seri Satria di Putrajaya. Dan nyatakan berapa ramai pelawat telah mengunjungi tapak-tapak tersebut.

**JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Objektif pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya termasuk bangunan Perdana Putra di Putrajaya adalah untuk mewujudkan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang berpusat, lengkap, teratur dan kondusif untuk bekerja. Manakala objektif**

pembinaan Seri Satria adalah untuk dijadikan Rumah Khas Anggota Pentadbiran sebagai tempat kediaman.

*Millennium Monument* dan *Astaka Morocco* pula dibina dengan objektif untuk menyediakan tempat-tempat menarik dan menjadi mercu tanda bagi menarik pelancong ke Putrajaya.

Untuk makluman Yang Berhormat, kos pembinaan *Millennium Monument* dan *Astaka Morocco* adalah RM21.6 juta dan RM29.9 juta tiap-tiap satu. Pada masa ini kerja-kerja penyenggaraan untuk kedua-dua bangunan ini dilakukan oleh Jabatan Landskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya yang melibatkan kos penyenggaraan berjumlah RM700 ribu setahun untuk *Millennium Monument* dan RM100 ribu setahun untuk *Astaka Morocco*. Kos penyelenggaraan tersebut tidak melibatkan perbelanjaan Jabatan Perdana Menteri.

Kos pembinaan bangunan Perdana Putera (Kompleks A) dan bangunan Seri Satria, masing-masing adalah sebanyak RM526.3 juta dan RM52.6 juta. Sewaan bangunan tersebut sebulan ialah RM3.0 juta bagi bangunan Perdana Putera dan RM0.2 juta bagi bangunan Seri Satria. Kos penyelenggaraannya sebulan ialah RM355,708 bagi bangunan Perdana Putera dan RM94,166 bagi bangunan Seri Satria.

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan sebenar pelawat ke *Millennium Monument* tiada direkodkan kerana ianya merupakan taman terbuka dan para pelawat tidak dikenakan sebarang bayaran oleh pihak pengurusan Jabatan Landskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya, manakala bilangan pelawat ke Astaka Morocco untuk tahun 2007 hingga 2009 adalah seramai 10,000 orang. Bilangan pelawat yang telah melawat bangunan Perdana Putera

**yang direkodkan mulai tahun 2004 hingga tahun 2009 adalah seramai 23,069 orang, manakala pelawat yang direkodkan melawat bangunan Seri Satria pada tahun 2008 adalah seramai 2,054 orang. Pelawat-pelawat tersebut adalah terdiri daripada pelajar sekolah, institusi pengajian tinggi, jabatan-jabatan Kerajaan, orang awam dan pelawat-pelawat dari luar negeri.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH  
(SUBANG)**

**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Y.B Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah (Subang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan untuk tahun-tahun 2004-2008 menyeluruh, jumlah warga emas dalam pusat-pusat jagaan harian yang dijalankan oleh Kerajaan mengikut negeri dan juga jumlah perbelanjaan oleh Kerajaan untuk pusat-pusat ini mengikut negeri.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan sebanyak 19 buah Pusat Jagaan Harian Warga Emas (PJHWE) yang beroperasi di seluruh Malaysia iaitu:

- i. 2 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- ii. 1 di Kedah
- iii. 1 di Perak
- iv. 2 di Selangor
- v. 1 di Negeri Sembilan
- vi. 1 di Melaka
- vii. 2 di Johor
- viii. 3 di Pahang
- ix. 3 di Terengganu
- x. 1 di Kelantan
- xi. 1 di Sabah
- xii. 1 di Sarawak

Bagi tahun 2004 hingga 2008, jumlah warga emas yang hadir di PJHWE ialah seramai 6,802 orang untuk mengikuti pelbagai program yang disediakan seperti rekreasi, aktiviti keagamaan, aktiviti kraftangan dan lain-lain lagi.

Setiap PJHWE ini menerima geran sebanyak RM33,330 setahun daripada JKM bagi tujuan pengoperasian dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM633,270 setahun. Jumlah perbelanjaan dari Kerajaan bagi tempoh 2004 hingga 2008 adalah sebanyak RM2,766,390.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[SUNGAI PETANI]**

**TARIKH : KHAMIS, 19 FEBRUARI 2009**

**RUJUKAN : 02**

**SOALAN :**

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan Terminal Bas Plaza Rakyat di Pudu Raya telah lama terbengkalai dan telah mencacatkan keindahan Kuala Lumpur dan memburukkan imej ibu kota:

- (a) bilakah usaha akan dimulakan bagi menyambung kembali pembinaan terminal ini; dan
- (b) apakah halangan utama yang menyebabkan proses menyiapkan permbinaan ini terbantut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Petani, mengikut perancangan asal, pembinaan Terminal Bas Plaza Rakyat di Pudu Raya akan disiapkan dalam tempoh 3 tahun mulai tahun 1992 dan siap tahun 1995. Walau bagaimanapun, pembinaan telah terhenti pada tahun 1996 kerana masalah kewangan yang dihadapi oleh syarikat dan krisis ekonomi negara pada tahun 1997. Ketika pembinaan terhenti, hanya stesen LRT sahaja yang dapat disiapkan manakala perkembangan kerja-kerja fizikal pembinaan adalah setakat 37.3%.

Usaha-usaha berterusan telahpun dikemukakan bagi menyambung kembali pembinaan tersebut. Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi membantu pihak pemaju meneruskan projek ini. Antaranya ialah memberi peluang kepada pemaju, Plaza Rakyat Sdn Bhd (PRSB) meneruskan semula projek ini dengan memberikan tempoh lanjutan masa (*Extension of Time*) selama 5 kali bermula 15 Disember 1995 sehingga 31 Mei 2007 (4,181 hari) dan membenarkan pertukaran konsep '*Built-Lease-Operate-Transfer*' (BLOT) kepada '*Outright Sale*'.

Pertukaran konsep pembangunan ini adalah penting kerana melalui pertukaran konsep ini, pihak PRSB boleh mendapatkan sumber pembiayaan kewangan daripada jualan unit-unit kepada pembeli-pembeli melalui Perjanjian Jual Beli (S&P) yang melibatkan 3 (tiga) pihak iaitu Datuk Bandar Kuala Lumpur sebagai tuan tanah, pihak pemaju dan pembeli unit berkenaan.

Terkini, pihak PRSB telah bersetuju menandatangani perjanjian dengan pihak Global Upline Sdn Bhd (GUSB) yang telah bersetuju mengambil alih segala liabiliti dan tanggungan serta melepaskan tanggungan pihak PRSB di projek ini. Setelah itu, pihak GUSB akan menandatangani Perjanjian Usahasama dengan DBKL bagi membolehkan projek ini diteruskan berdasarkan konsep '*Outright Sale*'. Perjanjian Usahasama tersebut kini diperingkat penelitian diperingkat KWP dan dijangka ditandatangani secepat mungkin setelah terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian Usahasama di antara DBKL dengan GUSB dimuktamadkan dan dikemukakan kepada Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) untuk persetujuan dan kelulusan.

Antara syarat-syarat berkaitan pembinaan terminal ini adalah perlu disiapkan oleh pemaju dalam tempoh 30 bulan daripada tarikh tandatangan perjanjian (Fasa 1).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, punca utama yang menyebabkan projek ini terbengkalai pada asalnya ialah kedudukan kewangan pemaju asal iaitu PRSB yang terjejas teruk akibat kegawatan ekonomi pada tahun 1997. Akibat kegawatan tersebut, pihak PRSB tidak berupaya untuk menyiapkan projek tersebut dan setakat ini kemajuan kerja yang telah dilakukan hanyalah lebih kurang 37% daripada keseluruhan projek iaitu di peringkat *sub structure* sahaja. Memandangkan pemaju asal (PRSB) sudah tidak berupaya untuk menyambung semula pembinaan projek ini atas faktor kewangan, pihak PRSB telah mencadangkan sebuah syarikat lain untuk mengambil alih projek tersebut dan membiayai sepenuhnya segala kos yang terlibat. Syarikat tersebut ialah Global Upline Sdn Bhd (GUSB).

Halangan utama timbul ketika proses rundingan dilakukan di antara ketiga-tiga pihak (DBKL, PRSB dan GUSB) kerana ingin mempertahankan hak dan kepentingan masing-masing. Oleh yang demikian, proses rundingan terhadap pemulihan semula projek ini dilakukan dengan penuh teliti selain turut mendapatkan pandangan daripada agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan. Rundingan juga dibuat dengan mengambil kira kepentingan semua supaya tidak menyebabkan implikasi yang besar kepada mana-mana pihak.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN CHONG ENG**  
**(BUKIT MERTAJAM)**  
**TARIKH : 19.02.2009**

**SOALAN:**

**Y.B. PUAN CHONG ENG [ BUKIT MERTAJAM ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan jenis tindakan yang diambil terhadap guru besar atau guru-guru yang terlibat dalam kesalahan gangguan seksual dan pencabulan kehormatan dalam sekolah terhadap muridnya. Nyatakan sehingga kini terdapat berapa banyak laporan kes jenis ini diterima oleh Kementerian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prosedur tindakan tata tertib terhadap pegawai Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang melakukan kesalahan termasuk gangguan seksual adalah tertakluk **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993 (Pindaan 2002)** yang terpakai kepada semua penjawat awam. Walaupun jumlah guru yang terlibat dengan salahlaku tersebut amat kecil iaitu 0.00005 % berbanding jumlah keseluruhan guru di negara ini, KPM tidak teragak-agak mengambil tindakan yang sewajarnya. Bentuk tindakan tata tertib yang dikenakan kepada guru yang didapati melakukan kesalahan adalah mengikut Peraturan 38, iaitu;

- (a) amaran;
- (b) denda;

- (c) lucut hak emolumen;
- (d) tangguh pergerakan gaji;
- (e) turun gaji;
- (f) turun pangkat; dan
- (g) buang kerja.

Sekiranya pegawai masih lagi dalam prosiding mahkamah, maka pihak KPM akan mengambil tindakan menggunakan prosedur jenayah, iaitu sama ada menahan kerja atau menggantung kerja. Tindakan tatatertib sehingga dibuang kerja boleh dikenakan jika didapati bersalah.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU**  
**(TELOK INTAN)**  
**TARIKH : 19.02.2009**

**Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [ TELOK INTAN ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) bagaimana pihak swasta boleh membeli sebahagian padang sekolah SJK (T) Taman Melawati (302 meter persegi) dan telah menceroboh tanah sekolah pada bulan Disember 2008, walaupun padang dalam kawasan sekolah dan di pagar dan digunakan berpuluh-puluh tahun; dan
- (b) adakah Kementerian membuat siasatan tentang ini sebab wakil sekolah dan PIBG telah mengesahkan tanah tersebut diperuntukkan kepada sekolah terlebih dahulu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SJKT Taman Melawati telah dibina pada tahun 1986 oleh JKR dan terletak di Daerah Gombak, Selangor. Tapak yang telah diperuntukkan untuk sekolah ialah PT1141 seluas 1.4569 hektar (HSD 46613). Semasa pembinaan sekolah ini, berkemungkinan berlaku kekeliruan teknikal pengukuran sempadan di mana sebahagian daripada padang sekolah terletak di atas tanah milik Negara Properties (M) Berhad (HSD 19685 PT 5012).

Perbincangan dengan pihak JKR, Pegawai Daerah Gombak dan pihak pemaju Negara Properties telah diadakan untuk menyelesaikan masalah ini. Juru ukur yang bertauliah akan dilantik untuk mengesahkan sempadan yang sebenar. Sekiranya perlu, KPM akan mengambil tindakan yang sewajarnya dalam usaha untuk menyelesaikan masalah ini.

Rjm 102

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHEU (JELUTONG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.02.2009**

**Tuan Jeff Ooi Cheu (Jelutong)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Silterra Malaysia Sendirian Berhad, sebagai satu anak syarikat Khazanah Inc, dapat dipulih daripada keadaan nazak setelah diberi suntikan dana sebanyak RM5.2 bilion sejak 1994, manakala modal pemegang syer telah jatuh kepada RM798 juta pada 2006. Apakah jumlah modal pemegang syernya sekarang.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Silterra Malaysia Sdn Bhd (Silterra) ditubuhkan pada tahun 1995 dan mula beroperasi pada tahun 2001 sebagai satu usaha strategik dan berkepentingan nasional dengan matlamat untuk menceburi bidang pembuatan semikonduktor bernilai tinggi dan seterusnya menjadi pemangkin pertumbuhan pelaburan dalam teknologi tinggi di Malaysia menjelang tahun 2020.

2. Sungguhpun Silterra telah mencatatkan kerugian, ia secara umumnya disebabkan oleh faktor luaran termasuk struktur industri semikonduktor dunia serta jumlah pelaburan tinggi yang diperlukan dalam industri teknologi tinggi. Sejak tahun 2004, Silterra telah menunjukkan prestasi keseluruhan yang bertambah baik yang dapat dilihat daripada Pendapatan Sebelum Faedah, Cukai, Susut Nilai dan Pelunasan (EBITDA) syarikat. Silterra telah berjaya mencatatkan EBITDA terkumpul berjumlah RM44.9 juta dari tempoh 2004 hingga 2007 walaupun jumlah ekuiti syarikat berada di kedudukan negatif sebanyak RM802 juta (setakat 31 Disember 2007).

3. Di antara langkah yang telah dan akan diambil bagi memulihkan operasi dan memastikan Silterra terus kompetitif dalam industri semikonduktor adalah seperti berikut:

- i. melaksanakan penstrukturan semula dalam dengan penekanan khusus untuk mengoptimumkan kos sejak Disember 2008. Dalam tempoh dua bulan pertama inisiatif ini, Silterra telah berjaya melakukan penjimatan sekitar RM4.3 juta (dengan sasaran keseluruhan penjimatan sebanyak RM50 juta sepanjang tahun 2009);
- ii. Silterra berjaya mengekalkan tahap penggunaan/ pengeluaran pada paras hampir 100% bagi suku kedua hingga suku keempat tahun 2008, mengatasi pesaing antarabangsa yang lain. Pada masa yang sama, Silterra turut berjaya mencatatkan jumlah pembekalan tertinggi syarikat ketika kos pengeluaran dan sokongan berjaya diturunkan secara ketara; dan

iii. Silterra kini sedang dalam perbincangan dengan beberapa syarikat semikonduktor terkemuka dunia dalam usaha untuk menjalinkan pakatan strategik bagi mengintegrasikan Silterra secara lebih rapat dengan industri semikonduktor global.

4. Berdasarkan kepada peranannya sebagai pengguna atau klien kepada lebih 400 buah syarikat yang menyediakan perkhidmatan kejuruteraan, pembekalan kimia dan gas, utiliti, logistik dan sebagainya, Silterra dijangkakan akan terus menjadi sebahagian daripada komponen penting kepada asas perindustrian di Wilayah Koridor Utara.

*SULIT*

**NO SOALAN : 69**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AMRAN BIN AB GHANI  
(TANAH MERAH)**

**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009  
(KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan siapakah peserta PLKN yang diberi pengecualian tunda dan berapakah anak-anak Menteri dan Timbalan Menteri yang tidak mengikut program latihan, nyatakan Menteri dan Timbalan Menteri tersebut.**

*SULIT*

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Semua pelatih yang dipilih untuk menjalani Program Latihan Khidmat Negara dibenarkan memohon penangguhan di bawah Seksyen 20(5) Akta Latihan Khidmat Negara 2003 (Akta 628) jika keadaan mereka tersenarai di bawah tiga (3) kategori yang layak diberi penangguhan mengikut Peraturan-Peraturan Latihan Khidmat Negara (Penangguhan Tanggungan) 2004. Kategori yang boleh diluluskan di bawah Peraturan-Peraturan Latihan Khidmat Negara (Penangguhan Tanggungan) 2004 adalah seperti berikut:**

- 1.1 Seseorang yang akan menduduki suatu peperiksaan utama;**
- 1.2 Seseorang yang sedang meneruskan pengajiannya; dan**
- 1.3 Apa-apa keadaan lain yang boleh menimbulkan kesusahan yang luar biasa pada orang tersebut jika dia menjalani Latihan Khidmat Negara. (Contoh: mengandungi, menanggung keluarga dan sebarang alasan munasabah yang diterima oleh Jawatankuasa Penangguhan)**

**Sebagaimana yang telah diwartakan di bawah Seksyen 4 (1) Akta Latihan Khidmat Negara 2003 (Akta 628), Menteri Pertahanan boleh mengecualikan (10) sepuluh kategori orang daripada menjalani Program Latihan Khidmat Negara iaitu:**

- 1.1 Orang yang bercelaru mental.**
- 1.2 Orang yang telah diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan mengalami kecacatan fizikal.**
- 1.3 Orang yang menjalani hukuman pemenjaraan.**
- 1.4 Orang yang menjalani tahanan pencegahan.**
- 1.5 Orang yang menjalani rawatan dan pemulihan dadah di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan)1983.**
- 1.6 Orang yang menjalani tahanan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.**
- 1.7 Orang yang menghadapi penyakit yang boleh membawa maut.**
- 1.8 Orang yang menghadapi penyakit berjangkit.**

**1.9 Orang yang mengikuti program sepenuh masa di institusi Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia.**

**1.10 Wanita yang mempunyai anak kandung.**

**Tuan Yang DiPertua,**

**Proses pemilihan pelatih PLKN adalah dibuat secara rawak berkomputer di mana maklumat terperinci mengenai pelatih-pelatih diperolehi daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Pemilihan Pelatih PLKN tersebut adalah berdasarkan komposisi kaum dan jantina pelatih. Latar belakang keluarga pelatih tidak tergolong dalam kriteria dasar pemilihan pelatih PLKN. Setakat ini, tiada anak-anak Menteri dan Timbalan Menteri yang membuat permohonan untuk mendapatkan pengecualian atau penangguhan bagi mengikuti PLKN.**

**SOALAN NO: 70**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ**

**TARIKH: 19 FEBRUARI 2009**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [ Seremban ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah terdapat skim pencen seperti pesara Kerajaan bagi membantu pesara-pesara swasta menguruskan kewangan mereka apabila mereka bersara kelak. Jika ada, adakah golongan ini akan diberi pilihan sama ada memilih skim ini atau tidak.

PR-1221-L17216

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, pekerja Kerajaan diberi pilihan Skim Pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) manakala pekerja sektor swasta hanya diberi Skim KWSP. Kerajaan sedar akan cabaran yang dihadapi oleh pesara swasta dalam memenuhi keperluan harian kewangan dan perubatan. Oleh itu, Kerajaan sedang mempertimbangkan Skim Pencen untuk pesara swasta agar dapat menikmati jaminan hidup yang selesa.

Tuan Yang Di Pertua,

Penemuan awal menunjukkan kebanyakan pencarum-pencarum KWSP telah menggunakan simpanan mereka dalam tempoh masa yang singkat. Dengan itu matlamat untuk simpanan hari tua tidak tercapai. Juga terdapat perubahan sosial dimana anak-anak tidak lagi membantu menanggung kedua-dua ibu-bapa mereka. Oleh itu, Kerajaan perlu menimbangkan satu Skim Pencen Kebangsaan Untuk Sektor Swasta. Dalam hal ini pandangan daripada semua pihak amatlah dialu-alukan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN**

**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009**

**SOALAN:**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) berapakah jumlah pampasan yang telah dibayar oleh Kerajaan atau pihak lain kepada penculik dua kapal kargo yang ditahan di perairan Somalia dan apakah kaedah dan mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan sehingga terpaksa membuat pembayaran wang tersebut
- (b) berapakah kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk menghantar kapal perang di Telok Eden, Somalia untuk kapal-kapal kargo Malaysia.

**JAWAPAN:      Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Insiden rampasan kapal dagang MISC iaitu MT Bunga Melati Dua (2) pada 19 Ogos 2008 dan MT Bunga Melati Lima (5) pada 29 Ogos 2008 di perairan Teluk Aden merupakan suatu sejarah hitam dalam industri perkapalan negara. Kejadian rampasan pertama telah melibatkan seramai 37 dan kematian seorang anak kapal warga Filipina manakala dalam kejadian kedua pula, seramai 42 anak kapal telah ditawan.

2. Susulan daripada insiden tersebut, Kerajaan telah mengaktifkan **Jawatankuasa Kawalan Keganasan** yang bertanggungjawab kepada **Majlis Keselamatan Negara** berdasarkan **Arahan MKN Bil. 18 (semakan semula) bertarikh 10 Julai 2002 mengenai Pengurusan dan Pengendalian Krisis Keganasan**. Arahan ini merupakan satu mekanisme pengurusan yang menentukan peranan serta tanggungjawab agensi-agensi yang terlibat dalam menangani sesuatu krisis keganasan antarabangsa sama ada di darat, laut atau udara. **Perenggan 8** Arahan tersebut antara lain turut meliputi pengendalian krisis melibatkan "perampasan pesawat udara, kapal penumpang, lain-lain pengangkutan awam atau kapal dagang di lautan" dan "penahanan ke atas warganegara Malaysia sebagai tebusan di luar negara". Pada amnya, dasar Kerajaan dalam pengendalian krisis keganasan adalah untuk menentang sebarang

bentuk keganasan; melindungi nyawa orang tebusan dan harta benda; dan mencari penyelesaian melalui rundingan.

3. Dalam hal ini, Kerajaan berperanan memberi bantuan dalam bentuk khidmat nasihat dan sokongan logistik manakala proses rundingan dan pembayaran wang tebusan berlangsung secara terus antara MISC dengan perampas kapal. Tuan Yang Dipertua, jumlah wang tebusan yang dibayar untuk mendapatkan pembebasan MT Bunga Melati Dua dan MT Bunga Melati Lima telah disediakan oleh pihak syarikat dan tidak melibatkan sebarang peruntukan Kerajaan. Selaras dengan saranan Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) dan pertubuhan antarabangsa lain, jumlah wang tebusan yang telah dibayar oleh MISC terpaksa dirahsiakan untuk mengelakkan risiko peningkatan jumlah tuntutan wang tebusan dan ancaman terhadap nyawa anak-anak kapal dagang yang melalui kawasan berisiko di Teluk Aden.

Tuan Yang Dipertua;

4. Setelah persetujuan dicapai antara MISC dengan kumpulan perampas kapal dan dengan mengambilkira pelbagai aspek termasuk ancaman terhadap nyawa anak kapal dan keadaan politik dan keselamatan di Somalia, Jawatankuasa tersebut telah mengarahkan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) untuk melaksanakan operasi khas (Ops Fajar) bagi menyelamatkan kapal-kapal dagang dan anak-anak kapal terbabit.

5. Untuk melaksanakan tanggungjawab ini, TLDM telah menubuhkan pasukan operasi bersepadu melibatkan anggota dan aset TLDM, Tentera Darat Malaysia (TDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dengan menggunakan KD Lekiu dan KD Sri Inderapura sebagai platform operasi. Kesemua aset ini telah diaturgerakkan pada 29 Ogos 2008 sehingga membawa kepada pembebasan kedua-dua kapal dagang dan kesemua anak kapal terbabit.

Tuan Yang Dipertua,

6. Selepas pembebasan MT Bunga Melati Dua dan Bunga Melati Lima, ancaman lanun di Teluk Aden dan perairan Somalia telah menjadi bertambah buruk. Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) telah melaporkan sebanyak 120 kejadian serangan melibatkan rampasan sebanyak 30 buah kapal dagang dan 600 anak kapal sepanjang tahun 2008 di sebalik penugasan pasukan petugas khas *Task Force 150* di perairan tersebut. Secara puratanya, terdapat sebanyak 10-15 kapal-kapal dagang MISC akan melalui Teluk Aden setiap bulan melibatkan kapal pengangkut gas (LNG); kontena; pengangkut bahan kimia; dan kapal *bulk*. Tanpa sebarang persenjataan dan perlindungan keselamatan, kapal-kapal MISC akan sentiasa terdedah kepada ancaman lanun. Sekiranya dirampas, Malaysia akan berhadapan dengan kos yang tinggi untuk tugas penyelamat selain membahayakan keselamatan anak-anak kapal yang kebanyakannya terdiri dari kalangan warganegara Malaysia.

7. Susulan permohonan daripada pengurusan MISC dan pertimbangan terhadap perkara di atas, Jawatankuasa Kawalan Keganasan telah memutuskan supaya TLDM melaksanakan satu lagi operasi khas iaitu Operasi Fajar 2. KD Mahawangsa telah ditugaskan untuk melaksanakan misi mengiringi kapal MISC dan juga kapal-kapal yang mempunyai kepentingan kepada Kerajaan Malaysia di perairan Teluk Aden. Operasi ini telah membawa manfaat yang besar kepada industri perkapalan Malaysia khususnya kepada 200 syarikat pemilik kapal yang menganggotai Persatuan Pemilik Kapal Malaysia (MASA).

8. Kehadiran TLDM di Teluk Aden juga selaras dengan Resolusi Majlis Keselamatan PBB Bil. 1846 bertarikh 2 Disember 2008 supaya negara-negara dan pertubuhan antarabangsa dengan kerjasama Kerajaan Somalia (TFG) memasuki perairan Somalia dan menggunakan sebarang mekanisme bersesuaian termasuk menghantar kapal perang dan pesawat pejuang untuk membanteras aktiviti lanun di kawasan perairan tersebut berlandaskan kepada peruntukan undang-undang antarabangsa.

Tuan Yang Dipertua,

8. Apa yang lebih membanggakan adalah apabila kapal TLDM, KD Indera Sakti turut terlibat dalam operasi menyelamat ke atas kapal-kapal dagang asing termasuk *MV Zhen Hua 4* milik China dan *MT Abul Kalam Azad* milik India sehingga mendapat liputan media antarabangsa dan ucapan penghargaan rasmi daripada negara terbabit.

9. Sejak mula dilancarkan pada 4 September 2008, mandat Operasi Fajar 2 yang berakhir pada 30 November 2008 telah diperbaharui sehingga Mac 2009. Secara keseluruhannya, sehingga Disember 2008, kedua-dua operasi telah melibatkan peruntukan berjumlah RM14,639,656.57. Kerajaan menyedari bahawa jumlah kos ini adalah agak tinggi, ditambah lagi dengan keupayaan aset ketenteraan negara yang sangat terhad. Namun begitu, kos ini secara relatifnya adalah sangat kecil jika dibandingkan peranan yang dimainkan untuk melindungi kepentingan strategik sektor perdagangan Malaysia yang berjumlah RM92.1 bilion pada tahun yang sama.

Tuan Yang Dipertua,

10. Kerajaan sentiasa mempertimbangkan langkah-langkah jangka panjang melalui kerjasama dengan syarikat-syarikat perkapalan utama dan pertubuhan antarabangsa ke arah mencapai suatu penyelesaian muktamad terhadap risiko ancaman lanun di perairan Teluk Aden. Ancaman lanun yang berterusan pasti akan menjejaskan masa depan industri perkapalan negara yang banyak bergantung kepada perairan tersebut sedangkan sebarang pertukaran laluan akan meningkatkan kos dan masa pelayaran selain mendedahkan kapal-kapal dagang kepada ancaman keselamatan lain.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 72

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG [ BATU ]**  
**TARIKH : 19 FEBRUARI 2009**  
**RUJUKAN : 1471**

**SOALAN:**

**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) apakah hasil siasatan oleh pihak polis mengenai penyebaran mesej SMS di antara YAB Dato' Sri Mohd Najib dan Dato' Safee Abdullah yang disyaki terlibat dalam kes pembunuhan Altantuya; dan
- (b) sama ada pihak polis memanggil kedua-dua pihak disoal siasat dan mengambil sebarang kenyataan dalam perkara ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini pihak polis tidak menerima sebarang laporan polis berhubung penyebaran mesej pesanan ringkas (SMS) yang mengaitkan YAB Dato' Sri Mohd. Najib dan Dato' Safee Abdullah dengan kes pembunuhan Altantuya. Oleh yang demikian, pihak polis tidak menjalankan sebarang penyiasatan terhadap perkara sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut.